

**KOTA-KOTA LAMA DI SEPANJANG SUNGAI JOHOR DALAM INDUSTRI  
PELANCONGAN WARISAN**

**MUHAMAD AKMAL BIN A RASID**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
JABATAN PENGAJIAN WARISAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN  
2011/2012

## PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh

18 Januari 2012

Muhamad Akmal Bin A Rasid

C08A049



## PENGHARGAAN

Alhamdulilah dan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya menyempurnakan kajian yang bertajuk kota-kota lama di sepanjang sungai Johor dalam insdustri pelancongan warisan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan ini iaitu Dato Dr Adi Taha dan En Ilmam bin Tharazi yang banyak memberi tunjuk ajar dalam menjayakan kajian ini. Ilmu yang telah diberikan amat bermakna kepada saya dan digunakan sebaik yang mungkin dalam menyempurnakan kajian ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada ibu bapa tercinta yang memberikan dorongan dan semangat. Berkat doa dan dorongan mereka memberi kekuatan kepada saya untuk menempuh segala dugaan dan cabaran dalam menjayakan kajian ini.

Tidak dilupakan kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya Johor Tourism and Yayasan Warisan Johor kerana sudi berkerjasama dan berkongsi maklumat berguna bagi melengkapkan kajian ini. Selain itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada sahabat-sahabat yang banyak memberi sokongan dan membantu serba sedikit dalam penghasilan kajian ini. Sesungguhnya hanya Allah S.W.T dapat membala jasa baik mereka.

Sekian terima kasih.

## **ABSTRAK**

Penulisan ilmiah ini dibuat ke atas 8 buah kota lama di sepanjang sungai Johor yang bermula dari Sayong Pinang hingga ke Kota Johor Lama. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejarah kewujudan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor yang merupakan tapak pemerintahan terdahulu kerajaan lama, meneliti kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan dan mengukur tahap penerimaan masyarakat, terhadap kawasan sejarah yang wujud di sepanjang sungai Johor. Di sepanjang sungai Johor mempunyai pelbagai kawasan bersejarah yang berpotensi menjadi salah satu daya tarikan kepada pelancong. Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor pernah menjadi pusat pemerintahan kesultanan pada suatu ketika dahulu. Malah bukti-bukti tinggalan sejarah masih dapat di lihat hingga kini, namun begitu terdapat beberapa kawasan bersejarah yang musnah akibat hakisan dan terbiar tanpa sebarang usaha untuk memulihara. Usaha memulihara kawasan bersejarah ini perlu dilakukan untuk menjadikan kawasan ini sebagai salah satu tarikan kepada pelancong. Oleh itu, pengkaji telah membuat kajian di lapan buah kota lama iaitu Kota Kara, Kota Johor Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Gonggong atau Pasir Putih dan Kota Sayong Pinang bagi melihat sendiri potensi dan usaha-usaha pemuliharaan yang telah dijalankan di kawasan ini. Selain itu, beberapa responden telah dipilih secara rawak bagi menjayakan kajian ini. Pengkaji juga turut menyatakan cadangan kepada pihak yang bertanggung jawab bagi memulihara dan menaik taraf kawasan ini sebagai salah satu daya tarikan dalam industri pelancongan warisan.

## **ABSTRACT**

Research writing is made on eight of the old city along the river starting from Sayong Pinang to Kota Johor Lama. The objective of this study is to determine the historical existence of the old towns along the river is the site of Johore state government before long, examines the importance of conservation and preservation, and measure the level of acceptance, of the existing historical areas along the river of Johore. Along the Johore river has many historical sites and have potential to be one tourism attraction. Historic area along the river was the seat of Johore Sultanate at different times. In fact, the evidence remains of history can still be seen up until now, however there are several historic areas damaged by erosion and abandoned without any effort to conserve. An effort to preserve this historic area needs to be done to make this area as one tourist attraction. Therefore, researchers have made a study of the eight of ancient city such as Kota Kara, Kota Johor Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Gonggong or Pasir Putih and the Kota Sayong Pinang to see the potential and conservation efforts that have been conducted in this area. In addition, some respondents were randomly selected for the success of this study. Researchers also give a recommendation to the responsible organization for the conservation and upgrading of this area as one of the attractions of heritage tourism industry.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI RAJAH DAN FOTO</b>	ix

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif kajian	9
1.3 Penyataan masalah	9
1.4 Skop kajian	10
1.5 Rangka kerja teoritikal	11
1.6 Kepentingan kajian	12
1.7 Kekangan kajian	13
1.8 Struktur dalam kajian	14

### BAB 2

#### SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	16
2.2 Definisi kota dan kubu	17
2.3 Kepentingan pemuliharaan kawasan sejarah	18

2.4	Pelancongan	20
2.5	Sejarah	21
2.6	Kajian sarjana tempatan dan luar	23
2.6.1	Kota Kara	23
2.6.2	Sayong Pinang	24
2.6.3	Kota Johor Lama	25
2.6.4	Bukit Seluyut	26
2.6.5	Pasir Putih	27
2.6.6	Kota Makam Tauhid	28
2.6.7	Batu Sawar	29
2.6.8	Panchor	31

### **BAB 3**

#### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1	Pengenalan	33
3.2	Lokasi kajian	34
3.3	Kaedah pengumpulan data	35
3.4	Data primer	35
3.5	Data sekunder	36

### **BAB 4**

#### **DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	38
4.2	Hasil pemerhatian	39
4.2.1	Sayong Pinang	39

4.2.2	Kota Kara	40
4.2.3	Kota Batu Sawar	40
4.2.4	Kota Makam Tauhid	41
4.2.5	Bukit Seluyut	43
4.2.6	Pasir Putih	46
4.2.7	Panchor	47
4.2.8	Kota Johor Lama	49
4.3	Bukti tinggalan sejarah	52
4.4	Analisis data borang kaji selidik	53
4.4.1	Profil responden	54
4.4.2	Taraf pendidikan responden	55
4.5	Kesedaran masyarakat	56
4.6	Pandangan masyarakat terhadap tapak bersejarah	
4.6.1	Tinggalan sejarah adalah Suatu yang berharga	58
4.6.2	Potensi kawasan bersejarah sebagai destinasi pelancongan	59
4.6.3	Kawasan bersejarah tidak menarik untuk dilawati	60
4.6.4	Mempelbagaikan aktiviti menarik untuk tarikan pelancong	62
4.7	Kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan	
4.7.1	Pemuliharaan penting untuk memastikan kawasan bersejarah menjadi daya tarikan pelancong	63
4.7.2	Pemuliharaan membantu menaikkan taraf ekonomi masyarakat setempat	64
4.7.3	Kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan	65

4.7.4	Tanggung jawab pemuliharaan hanya tugas kerajaan	66
4.7.5	Kerja memulihara perlu dijalankan bersama	67
<b>BAB 5</b>		
<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>		
5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	70
5.2.1	Warisan sejarah	70
5.2.2	Pelancongan	71
5.2.3	Wadah ilmu pengetahuan	72
5.3	Cadangan	72
5.3.1	Menaik taraf kota lama sebagai stesen pelancongan warisan	73
5.3.2	Memperhebatkan promosi	74
5.3.3	Program pemuliharaan yang berterusan	74
5.3.4	Mempelbagaikan aktiviti pelancongan	75
5.4	Kesimpulan	76
<b>BIBLIOGRAFI</b>		
<b>LAMPIRAN</b>		

**SENARAI RAJAH**

Gambar rajah 1.1: Peta lokasi kota-kota lama sepanjang pesisiran sungai Johor	5
Gambar rajah 3.1 : Peta negeri Johor Darul Taazim	34
Gambar rajah 3.2 : Peta lokasi kota-kota lama sepanjang sungai Johor	35
Foto 4.1: Pemandangan dipercayai tapak kota Batu Sawar	41
Foto 4.2: Binaan batu segi empat dipercayai sebagai pintu gerbang kota	42
Foto 4.3: Makam lama di dalam Kota Makam Tauhid	43
Foto 4.4: Pandangan Bukit Seluyut dari sungai Johor	44
Foto 4.5: Papan tanda dan jalan perhubungan ke Kota Seluyut	45
Foto 4.6: Makam Panglima Dayong	46
Foto 4.7: Makam Sultan Abdul Jalil	47
Foto 4.8: Pemandangan Kampung Panchor dari sungai Johor	48
Foto 4.9: Bangunan Pusat informasi di Johor lama	49
Foto 4.10: Pemandangan kubu pertahanan di Johor Lama	50
Foto 4.11: Makam lama yang terabai dan ditutupi daun-daun kering	51
Jadual 4.12: Bukti tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor	52
Gambar rajah 4.13: Peratusan Responden mengikut jantina, jumlah responden mengikut peringkat umur dan bangsa	54
Gambar rajah 4.15: Graf bilangan responden mengetahui sejarah serta lokasi bersejarah dan jumlah responden yang pernah melawati kawasan bersejarah	56
Gambar rajah 4.16: Carta pai maklum balas responden terhadap tinggalan sejarah adalah suatu yang berharga	58
Gambar rajah 4.17: Carta pai potensi kawasan bersejarah sebagai salah satu destinasi pelancongan	59

Gambar rajah 4.18: Carta pai kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk dilawati	60
Gambar rajah 4.19: Carta pai maklum balas responden terhadap perlunya mempelbagaikan aktiviti yang menarik untuk menarik pelancong	62
Gambar rajah 4.20: Carta pai peratusan responden terhadap kepentingan pemuliharaan kawasan bersejarah menjadi daya tarikan pelancong	63
Gambar rajah 4.21: Carta pai pemuliharaan tapak bersejarah menjadi destinasi pelancongan memberi impak kepada ekonomi masyarakat Setempat	64
Gambar rajah 4.22: Carta pai pendapat responden berhubung kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan	65
Gambar rajah 4.23: Carta pai maklum balas responden terhadap tanggung jawab pemuliharaan hanya tugas kerajaan	66
Gambar rajah 4.24: Carta pai pendapat responden terhadap pentingnya kerjasama masyarakat setempat dan kerajaan dalam proses pemuliharaan	67

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu Industri penting di Malaysia, sektor pelancongan juga dapat mempromosikan Malaysia di mata dunia serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu sektor perlancungan memberi peluang pekerjaan, menarik pelabur dan dapat memajukan perusahaan industri tempatan sebagai wahana dalam pembangunan Malaysia menuju negara maju. Malaysia merupakan destinasi perlancungan yang indah serta dapat menarik kedatangan pelancong asing mahupun tempatan. Menurut statistik pada tahun 2000, jumlah

pelancong yang berkunjung ke Malaysia adalah seramai 10.2 juta orang pelancong (termasuk pelancong domestik) yang menghasilkan pendapatan RM 20 bilion, termasuk RM17 bilion daripada pertukaran asing (Berita Harian, 9 Jun 2001).

Malaysia merupakan destinasi pilihan bagi pelancong asing mahupun pelancong tempatan. Hal ini kerana Malaysia menawarkan produk perlancongan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi keindahan warisan alam semula jadi (flora dan fauna), warisan kebudayaan, kesenian, makanan dan juga kawasan bersejarah. Terdapat pelbagai lokasi pelancongan yang menarik di Malaysia serta mempunyai keunikan sejarah yang tersendiri sebagai contoh Negeri Melaka khususnya menawarkan pelbagai produk perlancongan dari segi kebudayaan, kesenian, serta sejarah kegembilangan kesultanan Melayu Melaka dan kesan-kesan sejarah era penjajahan Portugis, Belanda dan British. Kesan-kesan sejarah dapat dilihat hingga kini antaranya seperti Kota A Famosa yang merupakan kubu tinggalan era penjajahan Portugis serta bangunan-bangunan lama era penjajahan Belanda. Kepelbagaian tapak-tapak sejarah, monumen dan bangunan bersejarah di negeri Melaka sememangnya berbeza dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia seperti Johor.

Johor merupakan negeri di selatan semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negeri Melaka, Pahang, dan negara Singapura. Asal usul perkataan Johor diambil dari perkataan Arab "Jauhar" yang bermaksud "Permata Berharga". Menurut Buyong Adil (1971) Johor juga dikenali sebagai Hujung Tanah atau "Ganggayu" oleh orang-orang Siam yang bermaksud "Perbendaharaan Permata". Negeri Johor Darul Takzim adalah salah satu negeri yang mempunyai pelbagai produk pelancongan menarik dan mempunyai keunikan yang tersendiri, Negeri Johor menyimpan pelbagai

khazanah warisan kebudayaan yang berharga terdiri daripada keindahan alam semula jadi, kebudayaan, kesenian serta kawasan-kawasan sejarah.

Sepanjang pesisiran sungai Johor mempunyai pelbagai khazanah berharga dan mempunyai kawasan-kawasan sejarah yang menarik serta berpotensi menjadi salah satu destinasi perlancongan. Sebagaimana di ketahui di sepanjang pesisiran sungai Johor terdapat beberapa lokasi yang menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan pada suatu ketika dahulu. Sejarah kesultanan Negeri Johor mempunyai hubung kait daripada salasilah keturunan kesultanan Melayu Melaka, ia juga boleh dikatakan sebagai kesinambungan era kesultanan melayu Melaka yang telah jatuh ditangan portugis pada tahun 1511.

Menurut Sejarah Melayu, selepas orang Portugis merebut Melaka, Sultan Mahmud Shah berundur ke Pagoh, kemudian membuat Kota di Bentayan (Kuala Sungai Muar). Pagoh di kalahkan oleh Portugis dan beliau berundur ke hulu Muar dan ke Pahang bersama anak beliau iaitu Sultan Ahmad, daripada Pahang Sultan Mahmud berundur ke Pulau Bentan dan bersemayam di Kopak.

Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (1994), Sultan Mahmud bersemayam di Bentan hampir 13 tahun iaitu dari tahun 1513 hingga tahun 1526. Tempoh selama 13 tahun ini membolehkan Sultan Mahmud mendirikan sebuah kerajaan, di Bentan Sultan Mahmud berjaya menangkis serangan portugis beberapa kali iaitu pada tahun 1521, 1523 dan 1524. Siri serangan Portugis selama beberapa tahun menyerang Pulau Bentan adalah kerana Portugis menganggap kedudukan Sultan Mahmud di Bentan sebagai ancaman kepada Melaka. Siri serangan ini berakhir pada tahun 1526 apabila pihak Portugis berjaya memusnahkan beberapa kawasan strategik seperti Bengkalis,

Bulang, dan Kota Kara sehingga memaksa sultan Mahmud berundur ke Kampar dan mangkat tidak beberapa lama selepas itu di Kampar.

Siti Zahrah Mahfood (2001), menyatakan kemangkatan Sultan Mahmud tidak bermakna usaha untuk merampas Melaka berakhir, usaha itu diteruskan oleh penggantinya iaitu Sultan Alaudin Riayat Shah merupakan pewaris kesultanan Melayu Melaka, beliau merupakan anakanda Sultan Mahmud. Sultan Alaudin Riayat Shah telah pergi ke Pahang sebelum diam di Pekan Tua dan mudik ke Sayong Pinang bersama bendahara dan orang-orang kaya. Menurut Buyong Adil (1971) “Pekan tua adalah tempat Sultan Alaudin mula-mula bersemayam dan menjadi pusat pemerintahan baginda di Negeri itu” selepas memerintah di Sayong Pinang, Sultan Alaudin Riayat Shah berpindah ke Kota Johor Lama kerana kuala sungai Johor merupakan kawasan yang jauh lebih sesuai untuk menjalankan kegiatan perdagangan.

Pemerintahan kesultanan Melayu Johor bermula pada tahun 1529 hingga tahun 1718, iaitu kira-kira 129 tahun di bawah pemerintahan sebelas orang sultan yang bermula dari Sultan Alauddin Riayat Shah hingga Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Memudiki sungai Johor kira-kira 80 kilometer bermula dari muara Sungai Teluk Sengat hingga ke hulu sungai, iaitu Sayong Pinang merupakan kawasan bersejarah dan pusat pemerintahan pada suatu masa dahulu. Lokasi bersejarah yang terletak di persisiran sungai Johor bersilih ganti menjadi ibu negeri kerajaan Johor. Di setiap lokasi juga berdiri megah kota-kota pertahanan yang dibina bagi mempertahankan serangan daripada musuh seperti Portugis, Acheh, Jambi. Terdapat lapan buah Kota di sepanjang persisiran Sungai Johor iaitu Kota Kara, Kota Johor Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Gonggong atau Pasir Putih dan Kota Sayong Pinang.



Gambar rajah 1.1: Peta lokasi kota-kota lama sepanjang pesisiran sungai Johor

### 1) Sayong Pinang

Sayong Pinang merupakan sebuah pusat pemerintahan kerajaan Johor semasa pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Shah (1529-1564) setelah baginda berpindah dari Kota Kara akibat kekalahan terhadap serangan askar-askar Portugis dalam bulan Jun 1535. Kota Sayong tidak pernah diserang dan dibinasakan oleh mana-mana pihak kerana kedudukannya di tebing sungai yang sempit menimbulkan kesukaran kepada kapal-kapal perang untuk mendarat. Oleh itu, Sayong Pinang masih menyimpan kesan-kesan yang diwujudkan pada tahun 1535.

## 2) Kota Kara

Kota Kara terletak di tepi sungai Johor tidak jauh di hilir daripada Kuala sungai Sayong, iaitu kira-kira di tempat yang bernama Kangka Lubok Pekan sekarang ini, dan kubu yang dibuat baginda itu pun di tepi sungai Johor juga, ke hilir Pekan Tua, kira-kira sebatu setengah di hulu daripada Sungai Telor cawangan Sungai Johor. Pekan Tua merupakan tempat Sultan Alaudin Riayat Shah mula-mula bersemayam selepas Pahang.

## 3) Kota Batu Sawar

Kota Batu Sawar terletak di sebelah tebing kanan mudik Sungai Johor lebih kurang 3 km ke hilir bandar Kota Tinggi atau 18 km ke hulu dari Kota Johor Lama. Kawasan ini tidak jauh dari Seluyut, dan merupakan pusat pemerintahan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah II setelah Johor Lama tertewas.

## 4) Kota Makam Tauhid

Kota Makam Tauhid terletak di Kampung Makam kira-kira 2km dari Bandar Kota tinggi. Berdekatan dengannya adalah sungai pemandi yang mengalir ke sungai Kota tinggi. Kota makam tauhid bukanlah sebuah makam tetapi adalah nama ibu negeri kerajaan Johor satu ketika dahulu. Makam Tauhid merupakan ibu negeri Johor yang Ke-8 dan bertempat di tanah besar dan menjadi pusat pemerintahan sebanyak dua kali. Rekod sejarah mengesahkan bahawa Makam Tauhid dijadikan

ibu negeri Johor buat pertama kali pada tahun 1637 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah II (1623-1677).

### 5) Bukit Seluyut

Lokasi Bukit Seluyut ini terletak berhampiran Kuala sungai seluyut dan Selat Medina Selat Mentanggor di sungai Johor. Bukit seluyut pernah menjadi pusat pemerintahan Sultan Muzffar shah (1564-1570) iaitu sultan Johor ketiga. Istana sultan dibina di atas Bukit Seluyut yang tingginya kira-kira 204kaki dengan tujuan supaya mudah mengawasi pergerakan kapal di sungai Johor. Pusat pemerintahan di Bukit seluyut hanya bertahan selama tujuh tahun sahaja kerana Sultan Ali Jalla iaitu Sultan Johor keempat telah memindahkan pusat pemerintahannya ke Tanah Putih.

### 6) Pasir putih

Gonggong atau disebut sebagai Pasir Putih terletak kira-kira 4km ke hilir Sungai seluyut di tepi sungai Johor. Ia juga bertentangan dengan bukit Seluyut. Gonggong atau Pasir Putih dibuka oleh Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah. Baginda menjadikan Tanah putih sebagai pusat pemerintahan di sini hanya bertahan selama kira-kira dua tahun sahaja, apabila sultan Ali berpindah semula ke Johor Lama. Adalah dipercayai bahawa Tanah Putih hanya dijadikan tempat berlabuh sebelum menuju ke Kota Tinggi.

### 7) Panchor

Panchor terletak di atas Bukit Tukul di tepi tebing kanan mudik Sungai Johor, lebih kurang 14 km ke hilir bandar Kota Tinggi. Panduan yang baik tentang kedudukan Panchor ini ialah sebuah bukit kecil yang dikenali sebagai Bukit Piatu, letaknya kira-kira 2 km ke timur laut kota tersebut. Panchor menjadi pusat pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah dengan membina sebuah Kota yang sangat kukuh, di dalam kota tersebut didirikan juga istana dan bangunan-bangunan lain terdiri daripada rumah-rumah pembesar dan balai-balai.

### 8) Kota Johor Lama

Kota Johor Lama terletak di tebing kiri menghilir sungai Johor kira-kira 27km dari bandar Kota Tinggi atau kira-kira 30km dengan darat melalui jalan ke Desaru masuk ke Teluk Sengat. Sejarah Kota Johor Lama bermula pada tahun 1540 apabila Sultan Alaudin Riayat Shah (1529-1564) berpindah ke Tanjung Batu yang terletak di tepi sungai Johor. Baginda telah mendirikan sebuah kota yang dibina daripada susunan batu dan kemudian ditambak dengan tanah yang sekarang di kenali sebagai Kota Johor Lama. Dengan terbinanya kota ini, kerajaan Johor menjadi sebuah negeri yang kuat hingga dapat mematahkan serangan Aceh beberapa kali.

## 1.2 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui sejarah kewujudan Kota-kota lama sepanjang sungai Johor yang merupakan tapak-tapak pemerintahan terdahulu kerajaan lama.
- 2) Meneliti kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan.
- 3) Mengukur tahap penerimaan masyarakat, terhadap kawasan sejarah yang wujud di sepanjang sungai Johor pada yang masa kini kian terancam akibat arus permodenan.

## 1.3 Penyataan masalah

Sungai Johor mempunyai pelbagai kawasan peninggalan sejarah Melayu dan merupakan bukti kegemilangan kesultanan Melayu selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511. Pada masa kini kawasan ini merupakan kawasan perkampungan lama dan jumlah penduduknya sangat sedikit, malah ada yang telah ditinggalkan kosong dan telah menjadi kawasan belukar serta hutan kecil. Kawasan-kawasan ini musnah akibat arus pembangunan.

Kamaruddin Ab Razak (1998) menjelaskan kebanyakan tempat sejarah di sepanjang Sungai Johor ini "masih belum diberi perhatian yang sewajarnya. Perubahan bentuk bumi, akibat hakisan, pemendapan sungai dan aktiviti manusia dikhuatiri akan memberi kesan kepada tempat tersebut, sekiranya tiada langkah-langkah yang diambil untuk memeliharanya."

Pengetahuan masyarakat khususnya mengenai kota-kota lama di sepanjang sungai Johor adalah sangat sedikit, masyarakat tidak mengetahui sejarah kegemilangan kesultanan Melayu, dan amat mendukacitakan kawasan-kawasan sejarah ini telah rosak dan tidak terjaga dengan rapi, hal ini menyebabkan masyarakat tidak mengetahui dan tidak dapat melihat sendiri bukti-bukti fizikal tinggalan Kota-kota lama dari muara sungai hingga ke Sayong Pinang. Selain itu, lokasi sejarah sepanjang sungai Johor berpotensi menjadi salah satu destinasi pelancongan dalam usaha untuk mendedahkan masyarakat terhadap sejarah.

#### **1.4 Skop kajian**

Kajian ini dilakukan hanya menumpukan kepada kota-kota lama sepanjang sungai Johor yang merupakan kawasan pemerintahan pada suatu ketika dahulu, lokasi ini juga merupakan rentetan sejarah dari kejatuhan kesultanan Melayu Melaka. Bermula di Kota Johor lama sehingga Sayong Pinang merupakan kawasan-kawasan bersejarah dan merupakan pusat-pusat pemerintahan kesultanan Melayu Johor. Terdapat lapan buah kota di sepanjang persisiran Sungai Johor iaitu Kota Kara, Kota Johor Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Gonggong atau Pasir Putih dan Kota Sayong Pinang.

## 1.5 Rangka Kerja Teoritikal

Rangka kerja teoritikal di rangka untuk memperjelaskan serta memperincikan masalah dan membantu pengkaji untuk mencari bahan rujukan dan sebagainya. Gambar rajah dibawah merupakan rangka kerja teoritikal di buat berdasarkan tajuk kajian yang dikaji, bertujuan untuk memudahkan kefahaman kajian.



## **1.6 Kepentingan kajian**

Kepentingan Kajian ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada individu, masyarakat, institusi dan negara mengenai sejarah kota-kota lama sepanjang sungai Johor dalam aspek perlancongan warisan. Hal ini dijelaskan seperti yang berikut:

### **1.6.1 Individu**

Kepentingan kajian terhadap individu adalah sebagai suatu perkembangan ilmu yang baru individu dapat mengetahui bertapa pentingnya mengenali sejarah kegemilangan kesultanan melayu Melaka diteruskan oleh kesultanan Melayu Johor.

### **1.6.2 Masyarakat**

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan agar kelompok masyarakat dapat mengenal jati diri, selain itu generasi dapat mengetahui keunikan yang ada di sepanjang sungai Johor dan menghayati kegemilangan era kesultanan Melayu Johor.

### **1.6.3 Institusi**

Kajian ini juga dapat menjadi sumber bahan rujukan sesebuah institusi mahupun individu yang mahu menjalankan kajian lanjut. Generasi kini dan generasi yang seterusnya dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan bacaan untuk penambahan ilmu pengetahuan atau sekadar pengetahuan umum.

#### **1.6.4 Negara**

Pentingnya kajian ini terhadap negara adalah sebagai suatu pendedahan terhadap masyarakat luar berkenaan keunikan sejarah Kesultanan Melayu yang mewarisi kegemilangan Melayu Melaka yang telah jatuh ke tangan Portugis.

### **1.7 Kekangan kajian**

Antara masalah yang mungkin di hadapi oleh pengkaji semasa menjalankan penyelidikan ini ialah:

#### **1.7.1 Kekangan masa**

Kekangan masa dalam proses untuk menjalankan kajian ini kerana pengkaji terikat dengan mata pelajaran lain yang wajib di pelajari di Universiti.

#### **1.7.2 Menjalankan kajian lapangan**

Kajian lapangan, dari segi bantuan pihak luar dalam memberikan kerjasama. Selain itu faktor pengangkutan memberi kesukaran kepada pengkaji untuk melawat sendiri ke tempat-tempat sejarah di sepanjang sungai Johor, kerana terdapat kawasan sejarah tersebut terletak di seberang sungai dan memerlukan bot atau sampan.

## 1.8 Struktur dalam kajian

- **BAB 1**

Di dalam bab 1 ini pengkaji menerangkan tajuk kajian yang dijalankan dan ulasan tentang pengenalan, objektif kajian, permasalahan, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, rangka kerja (theoretical framework), kepentingan kajian dan struktur kajian.

- **BAB 2**

Di dalam bab 2 pula, pengkaji menerangkan tentang ulasan kajian yang terdahulu oleh para pengkaji terdahulu yang dijadikan sebagai panduan di dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada artikel-artikel di surat khabar, majalah, penulisan-penulisan ilmiah yang terdapat di perpustakaan khususnya mengenai Kota-kota lama di pesisiran sungai Johor.

- **BAB 3**

Dalam bab 3 pula, pengkaji menerangkan kaedah kajian yang dilakukan untuk mendapatkan hasil kajian. Antara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti kajian perpustakaan serta kajian di lapangan.

- **BAB 4**

Dalam bab 4, pengkaji menerangkan hasil kajian. Pengkaji akan menerangkan dan memperjelaskan tentang dapatan kajian seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian berkenaan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor.

- **BAB 5**

Dalam bab 5, pengkaji akan mengulas tentang perbincangan dan cadangan. Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat beberapa cadangan dan perbincangan mengenai hasil dapatan kajian.

- **BAB 6**

Dalam bab 6 iaitu bab yang terakhir sekali, pengkaji akan menerangkan rumusan, kesimpulan yang telah dibuat. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan segala dapatan kajian yang telah diperolehi.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Pelbagai bahan rujukan dicari oleh pengkaji sebagai memenuhi objektif kajian yang telah direncanakan, bahan rujukan berbentuk kajian lepas terhadap kota-kota lama sepanjang pesisiran sungai Johor, mengenai sejarah dan pembuktian fizikal melalui kajian ekskavasi, tinjauan dan pemerhatian yang telah dijalankan membantu pengkaji dalam membuktikan kepentingan kawasan-kawasan yang dipilih. Selain itu bahan rujukan lain seperti kepentingan pemuliharaan dan aspek perlancongan turut dijadikan panduan dalam menjalankan kajian ini.

## 2.2 Definisi kota dan kubu

Definisi Kota menurut Allahyarham Halim Nasir (1990) menyatakan kota merujuk kepada pusat pentadbiran sesebuah negeri malah kota juga boleh digunakan mengikut cara perkataan itu digunakan sebagai contoh kota boleh memberi erti bandar sesebuah kawasan yang bertaraf ‘city’ atau bandaraya. Perkataan kota juga boleh merujuk kepada sesuatu masyarakat sebagai contoh masyarakat yang duduk di bandar adalah masyarakat kota manakala masyarakat yang tinggal di desa disebut masyarakat luar kota atau luar bandar. Perkataan ‘kota’ bermaksud ‘kubu’ atau benteng pertahanan dan pusat pentadbiran bagi raja-raja Melayu pada zaman kegemilangan pemerintahan tradisi kerajaan Melayu. Secara umum diketahui kota boleh merujuk kepada pusat pentadbiran malah pada waktu yang sama boleh dijadikan sebagai benteng pertahanan, kota juga menjadi tempat bersemayam raja-raja yang memerintah. Oleh kerana fungsi kota sebagai pusat pentadbiran, benteng pertahanan dan tempat bersemayam oleh itu sesebuah kota perlu wujudnya kompleks istana raja yang lengkap dengan Balai Penghadapan, Balai Besar, Balairung Seri dan bangunan-bangunan lain yang dikelilingi oleh pagar yang diperbuat daripada kayu sasak, buluh, benteng tanah atau tembok batu atau bahan binaan yang lain. Parit juga digali bagi menghalang musuh datang menyerang dan sesebuah benteng pertahanan perlu diperlengkap dengan pahlawan-pahlawan bersenjatakan lembing, tombak, keris, perisai, pedang lela ataupun meriam-meriam buatan tempatan atau dibeli dari luar.

Konsep Kubu tidak sama dengan konsep kota raja-raja Melayu, hal ini kerana kubu merupakan benteng pertahanan yang tidak mempunyai bangunan didalamnya. Sesebuah kubu tidak mempunyai rumah kediaman, balai istana dan kemudahan-kemudahan yang lain seperti kota-kota raja Melayu. Kubu hanya berfungsi sebagai

benteng pertahanan untuk mengawal tempat-tempat strategik hal ini dapat dibuktikan dalam Sejarah Pahang ada catatan yang menerangkan tentang pahlawan Mat Kilau dan pengikut-pengikutnya membina kubu di Jeram Ampai, Kuala Tembeling dan kubu tersebut dikenali sebagai Kubu Jeram Ampai.

### **2.3 Pemuliharaan kawasan sejarah**

Menurut Siti Norlihaiza Harun (2010), dalam buku Pemuliharaan Bangunan Bersejarah menyatakan pemuliharaan merupakan penjagaan terhadap sesuatu daripada musnah atau diubah tanpa perancangan teliti. Penjagaan terhadap sesuatu daripada musnah ini ialah penjagaan terhadap sumber sama ada alam semula jadi atau alam bina. Pemuliharaan alam semula jadi terdiri daripada sumber air, tanah, udara, flora, fauna dan lain-lain manakala pemuliharaan alam bina adalah pengekalan dan pemuliharaan bangunan, monumen bersejarah dan artifak seni.

Pemuliharaan alam bina terdiri daripada dua kategori iaitu pemuliharaan bangunan dan pemuliharaan kawasan. Pemuliharaan bangunan termasuklah monumen, bermaksud memulihara dan menjaga harta warisan dan warisan lama yang mempunyai nilai-nilai seni bina dan sejarah. Pemuliharaan kawasan pula bermaksud pemuliharaan satu atau beberapa kawasan utama atau lokasi yang mengandungi bangunan, elemen dan monumen yang mempunyai keistimewaan seni bina dan kepentingan sejarah untuk dikekalkan dan dipelihara. Pemuliharaan kawasan mengambil kira aktiviti membaik pulih fasad bangunan, penambahan struktur bangunan dan bahan yang digunakan termasuklah perletakan papan iklan, kawalan reka bentuk dan perabot jalan yang sepadan dengan identiti kawasan sejarah.

Menurut Kamarudin Ab Razak (1998), dalam bukunya Peninggalan Sejarah di persisiran sungai Johor menyatakan kawasan sejarah disepanjang sungai Johor masih belum diberi perhatian sewajarnya. Kerosakan pada kawasan ini perlu diberi perhatian bagi memastikan kawasan-kawasan ini selamat dari perubahan muka bumi, hakisan, pemendapan sungai dan aktiviti manusia. Hakisan menjadi salah satu faktor kemasuhanan kawasan sejarah sebagai contoh sebuah makam di Bukit Seluyut telah hanyut kedalam sungai. Sungai yang sempit dan cetek akibat dari pemendapan tanah di hulu dan pokok-pokok yang tumbang juga menjadi halangan untuk melalui aliran sungai di Sayong Pinang.

Pelbagai langkah perlu diambil untuk memastikan kawasan ini terpelihara. Kawasan-kawasan sejarah sepanjang sungai Johor merupakan sebuah perkampungan lama yang mempunyai jumlah penduduk yang sangat sedikit, dan kebanyakannya tempat ditinggalkan kosong dan kini merupakan kawasan hutan kecil dan semak belukar. Pembangunan juga menjadi faktor kemasuhanan kawasan-kawasan ini oleh itu perhatian sewajarnya perlu diberi perhatian agar langkah-langkah dapat diambil untuk memeliharanya. Pengetahuan masyarakat yang kurang mengenai beberapa kawasan sejarah dan hanya diketahui oleh orang tua namun begitu hanya beberapa yang masih mengetahui dan tidak mengingati kedudukan sebenar makam tersebut. Hal ini kerana kawasan tersebut jauh dari permukiman kawasan perkampungan yang diduduki mereka.

## 2.4 Pelancongan

Menurut Badaruddin Mohamed (2001) menyatakan kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan lama dan tapak sejarah di seluruh dunia pada masa kini boleh dianggap sebagai salah satu industri atau bidang yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara khususnya dalam sektor pelancongan manakala menurut A Ghafar Ahmad (2010), menyatakan pemuliharaan bangunan bersejarah mampu menarik ramai perlancang tempatan dan luar negeri untuk melawat Malaysia. Malah menurutnya lagi pemuliharaan bangunan sejarah secara tidak langsung dapat menyokong industri perlancangan warisan negara.

Pengurusan sesebuah tapak warisan adalah amat penting bagi menarik perlancang dan memberikan sesuatu pengalaman kepada pengunjung yang datang. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menarik perlancang datang ke tapak warisan dengan wujudnya laluan (accessibility), tarikan (attraction), aktiviti (activities), kemudahan (amenities) dan sikap (attitude) dapat merancakkan lagi industri perlancangan di Malaysia. Selain itu menurut Siti Norlihaiza Harun (2005), bagi memenuhi kehendak perlancang yang datang kualiti penghayatan dan pengalaman perlu di tawarkan perlu diambil berat. Pengalaman pengunjung atau perlancang adalah bergantung kepada tanggapan (expectations) dan kenyataan (reality). Tanggapan dan kenyataan amat penting bagi menghasilkan kualiti pengalaman pelawat di sesebuah kawasan bersejarah.

## 2.5 Sejarah

Sulatus salatin merupakan salah satu panduan yang penting bagi mengetahui hubungkait sejarah kesultanan melayu Melaka dan Johor khususnya. Sulatus Salatin juga menjadi bukti penulisan karya terdahulu yang menceritakan kegemilangan kesultanan melayu Melaka dan permulaan kesultanan Melayu Johor. Hasil penulisan ini menjadi salah satu pembacaan yang penting dan rujukan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan sejarah atau kota-kota lama yang wujud di Johor pada masa dahulu. Hasil penulisan yang dikarang oleh Tun Sri Lanang dan diselenggara semula oleh A.Samad Ahmad (1979) menjadi panduan dalam mengenal pasti dan memahami sejarah dengan lebih jelas.

Era kegemilangan kesultanan melayu Melaka telah diteruskan oleh kesultanan melayu Johor selepas Portugis merebut Melaka pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah berundur ke Pagoh, Portugis menyerang Pagoh dan di kalahkan. Sultan Mahmud Shah berundur ke hulu Muar dan ke Pahang bersama anak beliau iaitu Sultan Ahmad “...Maka Sultan Ahmad pun undurlah ke hulu Muar, baginda diam di Pagoh; akan Sultan Mahmud Shah diam di Batu Hampar; akan bendahara diam di Lubuk Batu, Pagoh pun alahlah. Maka Sultan Ahmad dan ayahanda baginda pun undurlah ke hulu Muar lalu ke Penarikan, dari penarikan lalu berjalan ke Pahang” dari Pahang Sultan Mahmud seterusnya berundur ke Pulau Bentan dan bersemayam di Kopak, “...Hatta Sultan Mahmud pun membuat negeri pula di Kopak”

Sultan Mahmud berundur ke Kampar dan mangkat tidak beberapa lama selepas itu di Kampar. “...maka segala orang besar-besar, menteri hulubalang sekalian pun turunlah dengan segala anak isterinya, masing-masing pada perahunya. Maka

sembah bendahara “sekarang hendak ke mana duli Yang Dipertuan hendak pergi?” Maka titah Sultan Mahmud Shah, “Niat kita hendak ke Kampar.”

Kemangkatan Sultan Mahmud Shah turut diceritakan, “Alkisah tersebutlah perkataan Sultan Mahmud Syah semayam di Kampar; datanglah peredaran dunia, maka baginda pun geringlah terlalu sangat. Maka diketahui baginda akan penyakit baginda itu ajal.

Kemangkatan Sultan Mahmud tidak bermakna usaha untuk merampas Melaka berakhir, penggantinya iaitu Sultan Alaudin Riayat Shah merupakan pewaris kesultanan Melayu Melaka, beliau merupakan anakanda Sultan Mahmud. Sultan Alaudin Riayat Shah telah pergi ke Pahang bersama Bendahara dan orang-orang kaya. “ setelah selesailah daripada pekerjaan kedukaan, maka Sultan Alau’-Din Ri’ayat Syah pun berbicaralah dengan Bendahara dan segala Orang Besar-besar, baginda hendak keluar dari Kampar; maka sekalianya berhadirlah perahulah, masing-masing berlengkap..... Hatta beberapa lamanya di laut, maka sampailah ke Pahang, lalu sekalianya masuk alangan, berlabuhlah di hulu Tanjung Teja”.

Sultan Alaudin Riayat shah membuat negeri di Kuala Johor, seperti yang telah ditulis dalam karya Sulatus Salatin “ Hatta berapa hari baginda di jalan, maka sampailah ke Johor, maka Sultan Alau’d-Din pun menitahkan Bendahara dan Seri Nara Diraja mengelepai rakyat menebas Kuala Johor.

## 2.6 Kajian sarjana tempatan dan luar

Terdapat beberapa kajian lalu yang telah dijalankan terhadap beberapa kawasan-kawasan sejarah di sepanjang sungai Johor. Kajian-kajian yang telah dilakukan sarjana tempatan mahupun luar tidak merangkumi semua aspek, malah terdapat pertikaian dan perbezaan pendapat mengenai fahaman terhadap tarikh sebenar kewujudan kota-kota ini dan peristiwa sejarah yang pernah berlaku. Pembuktian fizikal seperti aktiviti arkeologi, tinjauan (survei) dan pemerhatian dapat merungkai kesahihan sejarah dan membuktikan kewujudan kota tersebut benar-benar berlaku. Terdapat kira-kira lapan buah kota yang telah dikenal pasti melalui kajian lalu yang telah dilakukan oleh para pengkaji yang lepas, antaranya ialah:

### 2.6.1 Kota Kara

Menurut Buyong Adil (1971) Pekan Tua merupakan tempat Sultan Alaudin Riayat Shah mula-mula bersemayam selepas Pahang, Pekan Tua merupakan pusat pemerintahan baginda di negeri Johor. Tempatnya terletak di tepi Sungai Johor tidak jauh di hilir daripada Kuala sungai Sayong, iaitu kira-kira di tempat yang bernama Kangka Lubok Pekan sekarang ini, dan kubu yang dibuat baginda itu pun di tepi sungai Johor juga, ke hilir Pekan Tua, kira-kira sebatu setengah di hulu daripada Sungai Telor cawangan Sungai Johor. Kubu yang disebut Kota Kara merupakan benteng pertahanan hadapan Pekan Tua bagi menjaga serangan musuh ke pusat kerajaan yang biasa.

Sebagai tambahan J.M. Guillick (1970) menyatakan bahawa pusat pemerintahan baru, di Hulu sungai Johor ini dilengkapi dengan istana dan

beberapa bangunan lain seperti masjid,kolam,balairong dan balai gendang. Hierarki struktur sosial iaitu sultan menduduki piramid kuasa yang masih dikekalkan mengikut warisan kerajaan Melayu Melaka,hal ini kerana Sultan Alaudin Riayat Shah adalah dari keturunan Melaka.

### **2.6.2 Sayong Pinang**

Daniel Perret dan Kamarudin Ab. Razak (1999:150) di dalam buku Batu Acheh Warisan Sejarah Johor, berpendapat bahawa “Sultan Alauddin Ri’ayat Syah II telah tinggal di Sayong Pinang selama sekitar setahun di antara tahun 1535 dan tahun 1536”.

Winstedt (1992), menyatakan “peninggalan sebuah kota di Sayong Pinang, di antara Sungai Sayong dan Makam Duabelas, berjaya dikesan oleh G.B Gardner pada akhir 1931. Ia terdiri dari satu struktur tembok parit sekitar 300 meter memanjang Sungai Sayong. Paritnya diluar dan sekurang-kurangnya sebahagian daripada temboknya berlapis dua dan sekurang-sekurangnya sebahagian daripada temboknya berlapis dua.

Ashari Muhammad (2001), berpendapat melalui kajian eskavasi yang dijalankan di Sayong Pinang dapat membuktikan kawasan tersebut merupakan salah satu tinggalan kota lama ia dapat dibuktikan melalui bukti fizikal yang dijumpai iaitu tembok kota yang dibina dari tanah, parit yang luas sebagai benteng pertahanan, makam Sultan serta para pembesar seperti Makam satu, Makam Dua, Makam Tujuh, Makam Dua Belas, Makam To Hang Djumat, Makam Tun Hamzah (Tok Nara Diraja), artifak tembikar, poselin, senjata-

senjata lama, batu alas tiang, batu ukiran muka manusia, tapak perigi sakti dan perigi puteri. Pembuktian ini menunjukkan bahawa kota Sayong Pinang merupakan pusat pentadbiran kesultanan Melayu Johor pada suatu masa dahulu, kajian yang telah dijalankan juga mendapati aktiviti perdagangan pernah berlaku di sini, hal ini kerana tembikar tanah yang ditemui dipercayai ada yang dibawa oleh orang asing dari luar dan ada juga yang dihasilkan oleh penduduk tempatan sendiri.

Selain itu, keadaan lembangan sungai di Sayong Pinang pada hari ini agak kecil dan sukar dilalui akibat rintangan pokok-pokok yang tumbang akibat berlakunya proses hakisan bukan kerana aktiviti manusia. Banjir besar pernah berlaku di kawasan ini sekitar tahun 1979 dan sedikit sebanyak telah mengganggu sistem saliran serta laluan aliran air di sungai ini.

### **2.6.3 Kota Johor Lama**

Daniel Perret dan Kamarudin Ab. Razak (1999:154) di dalam buku Batu Acheh Warisan Sejarah Johor berpendapat Sultan Alaudin Riayat Syah II memerintah di Johor Lama selepas berada di Sayong Pinang.

Kamarudin Ab Razak (1998) mengatakan Kota Johor Lama merupakan salah satu pusat pentadbiran Sultan Alaudin Riayat Syah II pada tahun 1540. Kota ini menjadikan kerajaan Johor menjadi sebuah negeri yang kuat hingga dapat mematahkan serangan Aceh beberapa kali. Hal ini kerana struktur binaan Kota Johor Lama berdasarkan bahan binaan batu dilapisi dengan tanah,

dibahagian luar tembok kota terdapat parit pertahanan. Panjang kota dianggarkan kira-kira 1012.7 meter dan purata lebar ialah 2 hingga 4 meter.

Allahyarham Halim Nasir (1990) menyatakan Kota Johor Lama menjadi sebuah pusat perdagangan yang berkembang maju dan Sultan Alaudin Riayat Shah telah bersemayam kira-kira 24 tahun di situ. Hal ini kerana Kota Johor Lama merupakan kawasan strategik untuk melihat pergerakan musuh yang melalui sungai Johor dari arah hulu atau ke hilir, pada masa dulu beberapa pucuk meriam yang siap dengan pengawal-pengawal ditempatkan di tembok kota yang terletak di hujung Tanjung Batu itu. Musuh-musuh yang datang menyerang menghadapi risiko akan ditembak oleh peluru meriam yang dipasang dari atas kota, manakala disebelah hulunya pula mereka akan menemui tentangan yang hebat pula dari peluru-peluru meriam yang dipasang dari arah sebuah kota atau kubu yang terletak dipinggir Sungai Johor Lama dan dikenali sebagai Kubu Budak.

#### **2.6.4 Bukit Seluyut**

Abdul Samad Ahmad (1986) di dalam Sulatus Salatin (Sejarah melayu) menceritakan bahawa Sultan Muzaffar Syah membuat negeri di seluyut selepas memerintah di Johor Lama dan segala pembesar kerajaan juga berpindah ke tempat baru ini dan baginda mangkat dan dikebumikan di Bukit Seluyut, baginda juga disebut “Marhum di Seluyud”.

“Hatta berapa lamanya Sultan Muzaffar Syah kerajaan di Johor Lama, maka baginda membuat negeri di Seluyud; maka Sultan Muzaffar syah dengan

segala Orang Besar-besar isi negeri Johor Lama pun pindahlah ke negeri Seluyud... Setelah itu maka Sultan Muzaffar Syah pun berlakulah, kembali ke rahmat Allah Taala Kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un. Maka dikerjakan oranglah dengan istiadatnya ditanamkan di Bukit Seluyud, itulah disebut orang 'Marhum di Seluyud'.."

Kamarudin Ab Razak (1998) menerangkan bukit seluyut merupakan salah satu benteng kota manakala di bahagian luar kota dibina parit yang besar dan dalam, ketinggian benteng dianggarkan setinggi tujuh hingga lapan kaki dan timbunan tanah masih dapat dilihat hingga kini. Sebuah sistem pertahanan berbentuk benteng tanah tiga tingkat yang menghadap pertemuan tiga batang sungai di bawahnya iaitu Sungai Johor, Sungai Seluyut dan Selat Medina.

### **2.6.5 Pasir Putih**

Kamarudin Ab Razak (1998) menyatakan Pasir Putih dibuka oleh Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah, baginda menjadikan Tanah Putih sebagai tempat pemerintahan selepas berpindah dari Seluyut. Pusat pemerintahan hanya bertahan selama dua tahun sahaja dan dipercayai hanya dijadikan tempat berlabuh sebelum menuju ke Kota Tinggi. Kawasan ini juga tidak ada peninggalan sejarah yang begitu penting dapat dilihat kecuali sebuah makam lama berbatu nesan Aceh yang disebut sebagai makam Panglima Dayong yang terletak tidak jauh dari Sungai Johor.

### 2.6.6 Kota Makam Tauhid

Menurut sejarah Kota Makam Tauhid dijadikan ibu negeri Johor buat kali pertama pada tahun 1637 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III, dengan adanya kerjasama diantara Johor dan Belanda, baginda telah membina istana dengan menggunakan bahan binaan Belanda. Baginda meninggalkan Makam Tauhid pada tahun 1642 kerana tempat tersebut diserang penyakit dan telah berpindah.

Andaya (1975) menyatakan bahawa pada akhir 1642, terdapat satu khabar angin bahawa bendahara baru meninggal akibat wabak penyakit yang juga menimpa laksamana dan Orang Kaya lain. Keadaan ini memaksa Sultan Johor untuk memindahkan ibu kota ke seberang sungai di mana ia dinamakan Batu Sawar.

Kamarudin Ab Razak (1998) menerangkan bentuk Kota Makam Tauhid yang mempunyai bentuk segi empat panjang dan berada pada kedudukan yang tinggi sedikit dari permukaan tanah sekitarnya, Kota ini mempunyai sebuah pintu gerbang bagi memasuki kota. Bahan asas bagi pembinaan kota ini adalah batu dan dihiasi dengan kulit kerang.

### 2.6.7 Batu Sawar

Menurut Allahyarham Halim Nasir (1990) Batu sawar merupakan pusat pemerintahan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II, selepas Johor Lama dan Kota Batu tertewas kepada angkatan Portugis pada tahun 1587. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II mendirikan sebuah kota yang kuat, lebih kecil dari Kota Batu. Kota Batu Sawar tewas dalam perang dengan pihak Portugis pada tahun 1588 dan mereka telah menawan kota tersebut dan merampas kira-kira 20 pucuk meriam.

Pada tahun 1597, Batu Sawar diduduki semula selepas Portugis berundur dan kota ini diperbaiki oleh Sultan Abdul Jalla Abdul Jalil Shah II dan kemudian mangkat di Kota Batu sawar dan putera baginda bernama Raja Mansur telah dilantik menjadi sultan Johor bergelar Sultan Alaudin Riayat Syah II. Kota Batu Sawar telah diserang oleh angkatan perang Aceh, pada bulan Jun 1613 dan dapat dikalahkan oleh angkatan perang Aceh. Sultan Alaudin dan Raja Abdullah serta ramai orang-orang besar telah ditawan.

Pada tahun 1614 Sultan Alaudin pulang semula ke Batu Sawar, namun pada tahun 1615 sekali lagi angkatan perang Aceh datang menyerang Johor kerana marahkan sultan Johor yang suka berbaik-baik dengan Belanda dan Portugis. Sultan Alaudin dihukum bunuh di Aceh, dan sekali lagi Batu Sawar menjadi pilihan Sultan Abdullah Ma'ayat Syah yang mengantikan Sultan Alaudin Riayat Syah yang mangkat di Aceh.

Kota Batu Sawar telah ditinggalkan oleh Sultan Abdullah Ma'ayat Syah pada tahun 1618 dan bersemayam di Lingga. Selepas bersemayam di

Lingga baginda sekali lagi berpindah dan bersemayam di Pulau Tambelan namun baginda mangkat pada tahun 1623 di Pulau tersebut. Pada tahun 1637 Kota batu Sawar diduduki semula oleh Sultan Abdul Jalil Syah III baginda berpindah selepas bersemayam di Pulau Tambelan dan Lingga. Baginda memperbaiki semula kota yang telah ditinggalkan lama namun pada tahun 1673 angkatan perang Jambi telah menyerang dan menawan Kota Batu Sawar. Sultan Abdul Jalil Syah III dapat melarikan diri ke Pahang manakala Bendahara dan 2500 Orang Johor telah ditawan oleh angkatan perang Jambi. Kota ini tidak lagi diduduki oleh mana-mana sultan yang memerintah Johor selepas angkatan perang Jambi menawan Batu Sawar pada tahun 1637.

Kamarudin Ab Razak (1998) menyatakan Batu Sawar menjadi pusat pemerintahan Melayu Johor di bawah Sultan Ali Jalla Abdul Jalil hingga zaman sultan Abdul Jalil Riayat Shah III, pemerintahan ini berlangsung selama 90 tahun. Batu sawar menempatkan beberapa makam seperti makam Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II dan beberapa makam lain yang tidak dikenal pasti. Kawasan ini seringkali ditenggelami air apabila berlakunya banjir dan menurutnya lagi sebahagian batu nesan di makam ini telah musnah akibat projek pembinaan jalan yang menghubungkan jalan ke Kota Tinggi dengan jalan ke Desaru.

### 2.6.8 Panchor

Allahyarham Abdul Halim Nasir (1990) memberi penerangan sejarah Kota Panchor di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang mangkat dibunuh pada tahun 1699 oleh Megat Seri Rama semasa di atas usungan dalam perjalanan untuk bersembahyang Jumaat di masjid. Oleh kerana marhum tidak mempunyai anak lelaki, bendahara Tun Abdul Jalil anak bendahara Tun Habib Abdul Majid di lantik menjadi Sultan Johor menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699-1718). Baginda berpindah ke Panchor dan membina sebuah kota yang sangat kukuh. Pada tahun 1718 Kota Panchor telah diserang oleh Raja Kechil yang mengakui sebagai putera Almarhum Mangkat Dijulang, dan dalam peperangan ini Raja Kechil telah menawan Kota Panchor. Raja Kechil mengambil alih pemerintahan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah manakala Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV masih bersemayam di Kota Panchor, walaupun tidak lagi mempunyai kuasa. Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV mangkat di bunuh oleh seorang hulubalang Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah ketika bersemayam di Kuala Pahang pada tahun 1722. Kemangkatan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, kota Panchor tidak lagi diduduki dan merupakan tempat yang terakhir menjadi pusat pemerintahan kerajaan Melayu Johor.

Menurut Andaya (1975), pada akhir 1705, utusan Belanda dari Melaka berjumpa dengan Sultan Abdul Jalil IV di Panchor.

Menurut Kamarudin Ab Razak (1998) menyatakan melalui pengamatan yang dibuat dapat dilihat kesan benteng lama yang berada di sekeliling bukit menghadap ke arah sungai Johor Kota Panchor manakala dibahagian luar mempunyai binaan parit sebagaimana kota-kota Melayu lama yang lain.




**BAB 3****KAEDAH PENYELIDIKAN****3.1 Pengenalan**


Bab ini akan menerangkan kaedah penyelidikan yang diaplikasi oleh pengkaji dalam kajian yang telah dijalankan. Dalam kajian yang dihasilkan ini, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif merupakan data yang diperoleh melalui borang kaji selidik manakala kaedah penyelidikan kualitatif adalah tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji.

### 3.2 Lokasi kajian

Dalam menjalankan penyelidikan ini pengkaji telah menetapkan lokasi yang sesuai untuk melengkapkan kajian yang dilakukan. Lokasi yang dipilih adalah salah sebuah daerah di Johor iaitu di daerah Kota Tinggi. Terdapat lapan buah kota terletak di sepanjang pesisiran sungai Johor dalam daerah Kota Tinggi iaitu Kota Kara, Kota Johor Lama, Kampung Panchor, Bukit Seluyut, Kota Batu Sawar, Gonggong atau Pasir Putih dan Kota Sayong Pinang.



Gambar rajah 3.1 : Peta negeri Johor Darul Taazim



Gambar rajah 3.2 : Peta lokasi kota-kota lama sepanjang sungai Johor

### 3.3 Kaedah pengumpulan data

Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Antara kaedah perolehan data yang digunakan antaranya:

#### 3.3.1 Data primer

Kaedah perolehan data primer sememangnya berbeza dengan perolehan data sekunder kerana perolehan primer adalah kaedah penyelidikan yang berfokus kepada pemerhatian, kerja lapangan serta penglibatan dan pengamatan terhadap kajian yang ingin dijalankan.

- **Kaedah pemerhatian**

Kaedah pemerhatian amat diperlukan dalam kajian ini, hal ini adalah bertujuan sebagai memenuhi objektif yang telah di buat oleh pengkaji, selain itu kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat sendiri kawasan-kawasan sejarah sepanjang pesisiran sungai Johor. Selain itu pengkaji ingin melihat sendiri kepentingan pemuliharaan tapak warisan dan potensi menjadikan kawasan-kawasan ini salah satu produk pelancongan warisan.

- **Borang kaji selidik**

Kaedah Borang kaji selidik bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan masyarakat terhadap Kota-kota lama sepanjang sungai Johor, selain itu, pengkaji boleh mendapatkan segala maklumat yang berkenaan dalam kajian yang di jalankan. Pengkaji telah mengedar borang kaji selidik kepada 50 orang responden bagi menjawab beberapa soalan, setelah borang kaji selidik dikumpul langkah seterusnya adalah menganalisis untuk mendapatkan data-data yang berguna bagi menjayakan kajian ini.

### **3.3.2 Data sekunder**

Perolehan data sekunder adalah kaedah mencari dan mengumpulkan bahan dalam bentuk bahan bacaan yang bersesuaian dengan tajuk kajian seperti buku, risalah, artikel, keratan akhbar, laporan kajian lepas dan sebagainya. Selain itu, bahan bacaan ini menjadi rujukan dalam menjalankan kajian ini serta mengukuhkan pendapat pengkaji terhadap sesuatu masalah.

- **Kajian perpustakaan**

Dalam peringkat ini, pengkaji akan mencari bahan-bahan rujukan dan penulisan yang berkaitan dengan Kota-kota lama sepanjang pesisiran sungai Johor terdapat di Muzium Kota Tinggi, Pusat Pendokumentasian Yayasan Warisan Johor, Perpustakaan Negara dan sebagainya. Penulisan-penulisan berbentuk kajian lepas oleh pengkaji adalah dalam bentuk buku, tesis, majalah, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan Kota-kota lama sepanjang sungai Johor. Selain itu, pengkaji turut mencari beberapa maklumat berkenaan kepentingan pemuliharaan dan aspek pelancongan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN****4.1 Pengenalan**

Bab ini pengkaji akan menerangkan hasil kajian yang diperoleh daripada pemerhatian dan pembacaan mengenai gambaran kota-kota di sepanjang sungai Johor berserta maklum balas responden seramai 50 orang untuk menilai sejauh mana masyarakat mengetahui sejarah dan menghargai kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor. Selain itu, pengkaji akan menganalisis data dalam bentuk jadual, graf berserta huriaian bagi memudahkan penyampaian hasil kajian yang telah diperolehi.

## 4.2 Hasil pemerhatian

Pesisiran sungai Johor mempunyai pelbagai kawasan-kawasan sejarah yang menarik serta berpotensi menjadi salah satu destinasi perlancongan. Di Sepanjang pesisiran sungai Johor terdapat beberapa lokasi yang menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan pada suatu ketika dahulu dimana terdapat kira-kira lapan buah kota lama yang terletak di pesisiran sungai Johor. Pemerhatian telah dilakukan untuk melihat bukti tinggalan yang masih dapat dilihat dan program pemuliharaan yang dijalankan khusus untuk menjaga kawasan bersejarah ini daripada mengalami kerosakan dan sebagainya.

### 4.2.1 Sayong Pinang

Pemerhatian yang dibuat di Sayong Pinang mendapati terdapat tinggalan sejarah yang dapat dilihat antaranya adalah kompleks makam yang terdapat di kawasan tersebut. Kompleks makam di Sayong Pinang mengandungi makam-makam seperti Makam Satu, Makam Dua, Makam Tujuh dan Makam Dua Belas. Terdapat kira-kira 24 buah makam yang mempunyai batu nesan Aceh, ukiran batu nesan ini mempunyai kehalusan dan keunikan tersendiri. Melalui pemerhatian yang dijalankan mendapati pengkaji tidak menemui tinggalan kota, tapak istana, dan sebagainya. Hal ini turut dinyatakan oleh Asyaari Muhamad (1997) melalui kajian terhadap kota Sayong Pinang mendapati kajian yang dilakukan beliau masih gagal untuk mengesahkan beberapa struktur yang dijangka wujud suatu ketika dahulu seperti tapak istana, pintu gerbang, pagar lama dan pintu masuk ke kota.

#### **4.2.2 Kota Kara**

Hasil pemerhatian dibuat tidak menemui tinggalan berbentuk kubu pertahanan dan sebagainya. Makam lama juga tidak dilihat oleh pengkaji.

#### **4.2.3 Kota Batu Sawar**

Pemerhatian terhadap Kota Batu Sawar amat sukar dilakukan, maklumat berhubung kewujudan kota, benteng pertahanan dan sebagainya hanya dibuat menerusi pembacaan buku hasil penulisan Kamarudin Ab Razak (1998). Pembacaan ini penting untuk mendapat gambaran lebih jelas mengenai kawasan bersejarah ini. Menurut beliau batu-batu sungai yang besar boleh dilihat dengan jelas di tebing sungai apabila surutnya air, kesan peninggalan sejarah di Kota Batu Sawar dapat di perhatikan melalui kewujudan makam Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II dan beberapa makam lain yang tidak dikenal pasti. Kawasan makam bersejarah ini seringkali ditengelami air, dan menurut beliau lagi sebahagian batu nesan di makam ini telah musnah.



Foto 4.1: Pemandangan dipercayai tapak kota Batu Sawar

#### 4.2.4 Kota Makam Tauhid

Pemerhatian terhadap Kota Makam Tauhid mendapatkan bahawa terdapat binaan batu berbentuk segi empat dan binaan batu ini dipercayai sebagai pintu gerbang khusus untuk memasuki ke kawasan kota. Hal ini turut dinyatakan oleh Kamarudin Ab Razak (1998) yang mempunyai pandangan yang sama mengenai binaan tersebut. Menurut beliau lagi Kota Makam Tauhid dibina dari batu dan dihiasi dengan kulit kerang. Kawasan kota Makam Tauhid turut mempunyai makam-makam lama yang wujud sama seperti bukti kewujudan kota-kota yang lain seperti Panchor, Bukit Seluyut, Pasir Putih, Kota Johor Lama dan lain-lain. Bukti peninggalan ini amat jelas apabila di sekitar kawasan ini mempunyai beberapa buah makam lama malah hasil pembacaan juga mendapatkan terdapat kira-kira 89 buah kuburan berbentuk batu nisan

Acheh, kenyataan ini dipetik daripada buku hasil penulisan bersama Daniel Perret dan Kamarudin Ab Razak (1999) yang bertajuk Batu Acheh Warisan sejarah Johor.



Foto 4.2: Binaan batu segi empat dipercayai sebagai pintu gerbang kota

Makam-makam lama ini, merupakan tapak bersejarah yang perlu diberi perhatian sewajarnya, hal ini kerana perkuburan ini mempunyai batu nesan yang unik iaitu batu Acheh dimana kehalusan ukiran batu telah ditonjolkan dalam bentuk berbagai saiz yang boleh didapati di kawasan ini. Keunikan ukiran-ukiran batu ini perlu dijaga agar batu nesan ini menjadi tatapan generasi akan datang serta salah satu daya tarikan dalam sektor pelancongan.



Foto 4.3: Makam lama di dalam Kota Makam Tauhid

Antara peninggalan sejarah lain yang perlu diberi perhatian adalah bekas tinggalan struktur pintu gerbang kota yang masih di dapati di kawasan tersebut. Walaupun bekas tinggalan kota tersebut hanyalah struktur binaan batu berbentuk segi empat. Program pemuliharaan perlu dijalankan agar kawasan ini tidak mengalami kerosakan.

#### 4.2.5 Bukit Seluyut

Pemerhatian di lakukan di Bukit Seluyut mendapati tiada peninggalan struktur binaan lama berbentuk kota dan kubu pertahanan akan tetapi hasil pemerhatian mendapati kedudukan kota tersebut agak strategik untuk membina sebuah kota pertahanan dan pusat pemerintahan. Hal ini kerana Bukit Seluyut terletak menghadap aliran pertemuan sungai Johor dan beberapa batang sungai iaitu Sungai Seluyut dan Selat Medina. Ketinggian Bukit Seluyut menjadi salah satu faktor pemilihan tapak sesebuah kota, hal ini kerana kawasan yang tinggi

memudahkan untuk mengawasi pergerakan kapal serta mudah untuk membuat persediaan menghadapi ancaman musuh. Pemandangan Bukit Seluyut juga boleh dilihat dari sebuah daerah di dalam Kota Tinggi iaitu Pasak.



Foto 4.4: Pandangan Bukit Seluyut dari sungai Johor

Selain itu pengkaji turut menemui dua buah kompleks makam yang terletak di kaki Bukit Seluyut, Kompleks makam tersebut ialah makam Tiga Beranak, Makam Sultan Muzaffar Shah dan Makam Raja Fatimah yang di jaga dalam keadaan yang baik. Namun begitu melalui hasil pembacaan terhadap laporan kajian di Bukit Seluyut mendapati wujudnya bukti peninggalan berbentuk Kota atau benteng pertahanan, gambaran bentuk kota ini telah dibuat oleh Kamarudin Ab Razak (1998). Beliau menyatakan terdapat tiga tingkat benteng yang menganjur ke penjuru bukit, di bahagian luar terdapat parit yang besar. Ketinggian benteng dianggarkan setinggi tujuh hingga lapan kaki dan lebar benteng ini dianggarkan 217 meter di atas Bukit Seluyut. Selain itu hasil penemuan beliau, menemui pecahan batu-batu dan timbunan tanah dapat dilihat di kawasan tersebut. Beliau juga menyatakan hakisan sungai

berlaku sehingga memusnahkan sebuah makam yang dipercayai telah hanyut ke dalam sungai.



Foto 4.5: Papan tanda dan jalan perhubungan ke Kota Seluyut

Kedua-dua kompleks makam ini mempunyai ukiran batu Aceh yang indah, dan mempunyai keunikan ukiran yang tersendiri. Ukiran batu Aceh di Bukit Seluyut dan Pasir Putih mempunyai perbezaan dari segi bentuk, motif dan kehalusan ukiran. Secara keseluruhan, kawasan bersejarah ini mempunyai pelbagai tempat bersejarah yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Pembinaan jalan perhubungan dan papan tanda yang bersesuaian perlu diletakkan agar memudahkan pengunjung melawat tapak bersejarah. Selain itu semak samun yang tumbuh di persekitaran kawasan makam perlu dibersihkan agar ia tidak merosakkan pemandangan dan dapat menaikkan imej mengenai keunikan ukiran batu nesan Aceh.

#### 4.2.6 Pasir Putih

Hasil pemerhatian di Pasir Putih tidak menemui sebarang bukti tinggalan lama berbentuk kota atau kubu pertahanan akan tetapi di kawasan tersebut mempunyai sebuah makam lama yang di kenali sebagai Makam Panglima Dayong.



Foto 4.6: Makam Panglima Dayong

Makam ini mempunyai ukiran batu nesan Aceh yang bernilai dan merupakan bukti peninggalan sebuah pusat pemerintahan pada masa dahulu. Malah jika dilihat kewujudan batu nesan Aceh ini adalah sinonim dengan kewujudan batu Aceh di kawasan bersejarah yang lain.

Keunikan batu Aceh yang terdapat pada makam ini mempunyai daya tarikan sendiri yang mempunyai nilai sejarah dan kehebatan seni pertukangan tradisional. Batu Aceh yang terdapat di kawasan ini boleh dijadikan suatu produk pelancongan, kerana mempunyai keunikan yang tersindiri. Pemuliharaan tapak bersejarah Pasir Putih perlu dijalankan agar kawasan ini

tidak terbiar di tumbuhinya rumput dan lalang yang mengganggu pemandangan sekitar kawasan ini.

#### 4.2.7 Panchor

Pemerhatian yang dijalankan di sekitar kampung Panchor tidak menemui bukti tinggalan fizikal yang nyata seperti kubu pertahanan dan kota lama yang dapat membuktikan kawasan tersebut merupakan sebuah pusat pemerintahan era kesultanan akan tetapi menurut Kamarudin Ab Razak (1998) terdapat kesan benteng pertahanan lama yang berada di sekeliling bukit menghadap sungai Johor. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat kesan binaan parit di bahagian luar kota bertujuan sebagai benteng pertahanan. Menurut beliau lagi Kota ini terletak di atas tanah tinggi dipercayai Bukit Tukul Kanan yang berhampiran dengan Sungai Tukul yang berkuala ke Sungai Johor.



Foto 4.7: Makam Sultan Abdul Jalil

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan terdapat beberapa buah makam yang dapat dilihat sehingga sekarang, makam ini berada dalam keadaan yang baik kerana kawasan sekeliling makam ini dibina bangunan berpagar untuk melindungi struktur batu nesan Aceh daripada mengalami kerosakan. Makam ini dipercayai makam Sultan Abdul Jalil dan makam Tengku Dara Puteh.



Foto 4.8: Pemandangan Kampung Panchor dari sungai Johor

Secara keseluruhan daripada pemerhatian yang telah dijalankan, dapat dilihat kawasan bersejarah ini dijaga dalam keadaan yang baik, kampung Panchor perlu dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan kerana kawasan ini mempunyai daya tarikan alam semula jadi dan warisan sejarah yang tiada tolok bandingnya.

#### 4.2.8 Kota Johor Lama

Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat di Kota Johor lama, terdapat pusat informasi yang telah dibina bertujuan untuk memberi penerangan melalui bahan pameran berbentuk artifak, poster, lukisan serta tayangan video. Pusat informasi ini juga membantu untuk memberikan maklumat kepada pelancong mengenai sejarah kesultanan Melayu Johor dan kewujudan Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor. Selain pusat informasi yang diwujudkan, bukti fizikal yang boleh dilihat oleh pengunjung adalah sebahagian benteng kota pertahanan yang dibina dengan susunan batu dan dikambus dengan tanah, benteng pertahanan ini dibina menghadap Sungai Johor.



Foto 4.9: Bangunan Pusat informasi di Johor lama

Keadaan kota pertahanan ini, dalam keadaan yang baik dan di tutupi rumput menghijau yang rata. Rumput yang tumbuh di sekitar kubu pertahanan ini di jaga dengan baik dan sentiasa dipotong untuk menambah keindahan kawasan kota tersebut, akan tetapi hanya sebahagian kawasan di jaga rapi manakala kawasan lereng bukit menghadap sungai Johor terbiar dan di tumbuhi semak samun, struktur batu yang kelihatan tidak di jaga dan dibiarkan terabai hingga musnah akibat hakisan.




Foto 4.10: Pemandangan kubu pertahanan di Johor Lama

Kawasan sekitar kota Johor lama mempunyai beberapa buah makam yang terabai dan perlu diberi perhatian. Berdasarkan pemerhatian makam-makam ini perlu di jaga agar tidak ditutupi daun-daun kering serta semak samun. Kawasan makam ini perlu di bersihkan sebagai memberi penghargaan dan perhormatan selain bertujuan untuk menarik pelancong.



Foto 4.11: Makam lama yang terabai dan ditutupi daun-daun kering

Secara keseluruhan melalui pemerhatian yang dibuat di Johor lama mendapati hanya sebahagian kawasan di sekitar Kota Johor Lama ini masih di jaga oleh pihak Yayasan Warisan Johor dan bukti-bukti tinggalan fizikal masih boleh di lihat, akan tetapi terdapat beberapa bahagian lain yang perlu dilakukan proses pemuliharaan dan pemeliharaan agar kawasan ini tidak musnah. Sebagai contoh penemuan perigi lama yang dinyatakan dalam buku Peninggalan sejarah di pesisiran sungai Johor hasil penulisan Kamarudin Ab. Razak (1998). Menurut beliau, keadaan perigi lama ini tidak di jaga dan ditutupi dengan daun-daun buluh dan kayu sehingga menutupi perigi ini. Selain penemuan perigi lama, makam-makam lama yang terbiar perlu di pelihara agar kawasan ini tidak musnah dan dapat di pertontonkan kepada pengunjung.

### 4.3 Bukti tinggalan sejarah

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan bukti fizikal yang masih boleh dilihat hingga kini di lapan buah kota sepanjang sungai Johor. Hasil pemerhatian dan pembacaan terhadap kajian lepas membantu pengkaji membuat jadual yang bersesuaian bagi meringkaskan hasil dapatan kajian mengenai tinggalan sejarah yang terdapat di sepanjang sungai Johor.

No	Kota lama	Kota atau benteng pertahanan	Makam lama
1)	Sayong Pinang		✓
2)	Kota Kara		
3)	Kota Batu Sawar		✓
4)	Kota Makam Tauhid	✓	✓
5)	Bukit Seluyut		✓
6)	Pasir Putih		✓
7)	Panchor		✓
8)	Kota Johor lama	✓	✓


Jadual 4.12: Bukti tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor

#### **4.4 Analisis data borang kaji selidik**

Borang kaji selidik dirangka khusus untuk memenuhi objektif kajian yang telah dijalankan, seramai 50 orang responden telah dipilih oleh pengkaji untuk menjawab soalan kaji selidik. Borang kaji selidik yang diedarkan adalah untuk mengetahui pengetahuan masyarakat berhubung kewujudan kota di sepanjang sungai Johor. Selain itu pengkaji ingin melihat kepentingan pemuliharaan terhadap tapak sejarah di sepanjang sungai Johor.


##### **4.4.1 Profil responden**

Daripada keseluruhan responden yang terlibat iaitu seramai 50 orang, jumlah peratusan sebanyak 40% dicatat terdiri daripada responden lelaki, manakala responden perempuan pula mencatatkan sebanyak peratusan sebanyak 60%. Mereka yang terlibat ini adalah daripada pelbagai peringkat umur antaranya seramai 2 orang mewakili responden bagi peringkat umur 13-15 tahun, manakala bagi peringkat umur 16-19 tahun mencatat jumlah seramai 10 orang. Peringkat umur yang mencatat jumlah tertinggi seramai 28 orang adalah berumur 20-25 tahun manakala bagi peringkat umur 31 tahun ke atas mencatatkan jumlah seramai 10 orang. Bagi peratusan profil responden mengikut bangsa peratusan tetinggi sebanyak 96% adalah berbangsa Melayu dan Cina dan India mencatat peratusan yang sama iaitu sebanyak 2%. Sila rujuk rajah 4.2 di bawah.



Gambar rajah 4.13: Peratusan responden mengikut jantina, jumlah responden mengikut peringkat umur dan bangsa

#### 4.4.2 Taraf pendidikan responden




Gambar rajah 4.14: Peratusan taraf pendidikan responden

Rajah 4.14 di atas menunjukkan peratusan taraf pendidikan responden, jumlah peratusan terbesar sebanyak 42%, mempunyai kelulusan bertaraf SPM manakala peratusan sebanyak 40% adalah bagi lepasan STPM. Taraf pendidikan bagi lepasan Ijazah mencatat peratusan sebanyak 4% diikuti taraf pendidikan UPSR dan PMR mencatat peratusan sebanyak 2% dan 12%.

#### 4.5 Kesedaran masyarakat

Hasil daripada analisis borang kaji selidik mendapati bahawa masyarakat sedar mengenai kewujudan Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor dan masyarakat juga mengetahui Sejarah kesultanan Melayu Johor akan tetapi tidak pernah melawati kawasan bersejarah terutamanya tinggalan kota di sepanjang sungai Johor. Rajah 4.15 di bawah merupakan ringkasan daripada hasil analisis data yang telah dilakukan.



Gambar rajah 4.15: Graf bilangan responden mengetahui sejarah serta lokasi bersejarah dan jumlah responden yang pernah melawati kawasan bersejarah

Graf di atas menunjukkan bilangan responden yang mengetahui sejarah, lokasi kota lama dan jumlah responden yang pernah melawati tapak bersejarah di sepanjang Sungai Johor. Bahagian hadapan graf menunjukkan 30 orang responden menjawab “Ya” bagi soalan pengetahuan sejarah kesultanan Melayu Johor. Jumlah yang tinggi ini menunjukkan bahawa masyarakat mengetahui sejarah, dan mengetahui secara umum sejarah kegembilan kesultanan Melayu Johor. Pengkaji mendapati

kebanyakan responden mengetahui sejarah adalah di sebabkan faktor pembelajaran mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah dan hasil penelitian mendapati jumlah responden yang menjawab soalan ini juga adalah di kalangan orang yang berpendidikan khususnya lepasan STPM dan SPM. Penuntut lepasan UPSR dan PMR kurang mengetahui sejarah kesultanan Melayu Johor kerana golongan ini kurang diberi pendedahan mengenai kepentingan sejarah dan pada usia ini mereka tidak mempunyai semangat untuk menghargai sejarah tanah air kita.


Bahagian tengah graf di atas menunjukkan bilangan responden yang mengetahui lokasi kota-kota lama di sepanjang sungai Johor. Hasil kajian mendapati bahawa jumlah responden yang menjawab “Ya” adalah seramai 25 orang dan sama jumlahnya dengan responden menjawab “Tidak”. Pengkaji berpendapat bahawa jumlah responden yang mengetahui lokasi kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor adalah sama di sebabkan oleh ilmu sejarah yang dipelajari hanya digunakan untuk menjawab soalan peperiksaan khusus dalam subjek sejarah dan amat malang sekali segelintir masyarakat hanya mengenali sebuah Kota lama di sepanjang sungai Johor, iaitu Kota Johor Lama. Pengkaji mendapati segelintir masyarakat tidak mengetahui akan kewujudan kota-kota lain di sepanjang sungai Johor adalah kerana mereka menganggap bahawa pusat pemerintahan di Johor pada suatu masa dahulu hanyalah Kota Johor Lama. Pendedahan kepada masyarakat mengenai wujudnya kota-kota lain di sepanjang sungai Johor amat penting bagi melahirkan generasi yang tahu akan sejarah dan kegembilan kesultanan Melayu Johor.

Bahagian terakhir graf menunjukkan seramai 30 orang responden tidak pernah berkunjung ke kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor, manakala hasil daripada maklumbalas responden lain mendapati bahawa hanya 20 orang sahaja pernah pergi

dan melihat tinggalan lama di sepanjang sungai Johor. Pengkaji mendapati walaupun jumlah responden yang mengetahui sejarah dan lokasi kota-kota lama adalah tinggi namun terdapat segelintir responden tidak pernah melawati tapak-tapak bersejarah di sepanjang sungai Johor atas faktor kurangnya kesedaran untuk melihat dan menghayati tinggalan sejarah di kawasan tersebut. Pada pandangan pengkaji, kemungkinan faktor kesibukan bekerja menyebabkan segelintir masyarakat tidak berkesempatan untuk melawat tempat bersejarah.

#### 4.6 Pandangan masyarakat terhadap tapak bersejarah

##### 4.6.1 Tinggalan sejarah adalah suatu yang berharga




Gambar rajah 4.16: Carta pai maklum balas responden terhadap tinggalan sejarah adalah suatu yang berharga

Carta pai menunjukkan maklum balas responden terhadap tinggalan sejarah adalah suatu yang berharga. Kajian yang telah dilakukan mendapati 90% responden dengan bilangan 45 orang bersetuju dengan kenyataan ini, manakala

terdapat 10% responden dengan bilangan 5 orang tidak menganggap tinggalan sejarah ini suatu yang berharga.

Hasil kajian ini mendapati bahawa masyarakat menganggap tinggalan sejarah sebagai salah satu khazanah yang berharga dan bernilai. Pendedahan kepada sejarah dan pengetahuan pentingnya bukti tinggalan sejarah membantu melahirkan generasi yang kenal akan sejarah beserta bukti tinggalan di tapak sejarah.

#### 4.6.2 Potensi kawasan bersejarah sebagai salah satu destinasi pelancongan




Gambar rajah 4.17: Carta pai potensi kawasan bersejarah sebagai salah satu destinasi pelancongan

Carta pai di atas menunjukkan 90% responden bersetuju dengan cadangan membangunkan tapak bersejarah secara terancang dapat menjadikan tapak sejarah ini salah satu produk pelancongan. Manakala 10% responden tidak

bersetuju, mereka menganggap terdapat banyak tempat menarik lain yang berpotensi menjadi kawasan pelancongan. Manakala bagi 90% responden bersetuju kerana mereka mendapati kawasan ini sememangnya berpotensi menjadi kawasan pelancongan kerana mempunyai pelbagai tempat menarik untuk dilawati dan mempunyai keindahan alam semula jadi yang boleh di pertontonkan kepada masyarakat luar dan dalam. Pembangunan tapak bersejarah secara terancang perlu dilakukan untuk menarik minat masyarakat dalam dan luar berkunjung ke kawasan bersejarah.

#### **4.6.3 Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk dilawati**



Gambar rajah 4.18: Carta pai kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk dilawati


Carta pai di atas menunjukkan maklum balas responden mengenai kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk dilawati. Peratusan tertinggi sebanyak 60% tidak bersetuju dengan pendapat pengkaji yang

menyatakan bahawa kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk dilawati. Manakala 40% responden bersetuju dengan pernyataan ini.

Pengkaji mendapati terdapat segelintir masyarakat kurang berminat untuk melawati dan melihat sendiri bukti tinggalan sejarah yang ada. Hal ini kerana segelintir masyarakat lebih tertarik untuk melihat bukti tinggalan sejarah di luar berbanding di dalam, pelbagai faktor dikenal pasti mempengaruhi minat masyarakat untuk melihat tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor. Antara faktor utama adalah kurangnya promosi daripada pihak bertanggungjawab terhadap tapak bersejarah di sepanjang sungai Johor. Promosi merupakan satu langkah penting untuk memperkenalkan keunikan tinggalan kota lama di sepanjang sungai Johor dan dapat menarik minat masyarakat untuk melancong ke kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor.

Faktor lain yang mempengaruhi minat masyarakat untuk berkunjung ke kawasan bersejarah adalah disebabkan kurangnya aktiviti-aktiviti menarik yang dijalankan di sepanjang sungai Johor. Tindakan sewajarnya perlu diambil bagi memperkenalkan keunikan kawasan bersejarah dengan mempelbagaikan aktiviti agar dapat memberi satu daya tarikan baru kepada masyarakat khususnya untuk melawat dan melihat dengan lebih dekat bukti tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor.

#### 4.6.4 Mempelbagaikan aktiviti menarik untuk tarikan pelancong




Gambar rajah 4.19: Carta pai maklum balas responden terhadap perlunya mempelbagaikan aktiviti yang menarik untuk menarik pelancong

Carta pai di atas menunjukkan jumlah peratusan mengenai maklum balas responden terhadap perlunya kepelbagaian aktiviti yang menarik untuk melawat tapak bersejarah. Hasil kajian mendapati bahawa 100% responden bersetuju dengan kenyataan perlunya pelbagai aktiviti untuk menarik minat masyarakat melawat tapak bersejarah di sepanjang sungai Johor. Hasil kajian ini mendapati sememangnya dengan kepelbagaian aktiviti dapat menarik masyarakat untuk melawat tapak bersejarah. Aktiviti ini perlu dibuat agar selaras minat masyarakat setempat, dan mempunyai golongan sasaran bagi menjayakan aktiviti yang dianjurkan.

## 4.7 Kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan

### 4.7.1 Pemuliharaan penting untuk memastikan kawasan bersejarah menjadi daya tarikan pelancong




Gambar rajah 4.20: Carta pai peratusan responden terhadap kepentingan pemuliharaan kawasan bersejarah menjadi daya tarikan pelancong

Carta Pai di atas menunjukkan pendapat responden terhadap kepentingan pemuliharaan tapak bersejarah menjadi salah satu daya tarikan pelancong. Sebanyak 47% responden bersetuju dengan kenyataan ini bahawa pemuliharaan sesebuah tapak bersejarah berpotensi menjadi salah satu daya tarikan pelancong. Manakala 38% responden sangat setuju dengan kenyataan ini menjadikan sebanyak 85% responden memberi jawapan yang positif terhadap kenyataan ini. Hal ini menunjukkan kepentingan pemuliharaan adalah bertujuan untuk menambah lagi kawasan pelancongan khusus di negeri ini.

Namun begitu sebanyak 15% responden tidak pasti dengan kenyataan ini. Hal ini adalah disebabkan pengetahuan mereka mengenai kepentingan pemuliharaan adalah kurang dan perlunya penjelasan khusus untuk memberikan pengetahuan terhadap pentingnya menjaga warisan sejarah.

#### **4.7.2 Pemuliharaan membantu menaikkan taraf ekonomi masyarakat setempat**




Gambar rajah 4.21: Carta pai pemuliharaan tapak bersejarah menjadi destinasi pelancongan memberi impak kepada ekonomi masyarakat setempat

Carta pai di atas meunjukkan pemuliharaan tapak bersejarah menjadi destinasi pelancongan memberi impak kepada ekonomi masyarakat setempat. Daripada carta pai di atas boleh dilihat terdapat 68% responden setuju dengan kenyataan ini, manakala 25% responden sangat setuju. Oleh itu berdasarkan carta pai diatas 93% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Pemuliharaan tapak bersejarah menjadi produk pelancongan sememangnya memberi impak

positif kepada ekonomi masyarakat setempat. Manakala 2% responden menyatakan tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Daripada carta pai di atas pengkaji membuat kesimpulan bahawa kawasan bersejarah jika di bagunkan menjadi kawasan pelancongan berpotensi memberi impak positif terhadap ekonomi masyarakat setempat.

#### 4.7.3 Kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan




Gambar rajah 4.22: Carta pai pendapat responden berhubung kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan

Carta pai di atas menunjukkan pendapat responden berhubung kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan. Kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan ini sejumlah 80% responden bersetuju. Manakala sejumlah 20% responden menjawab tidak pasti bagi soalan ini. Hal ini adalah kerana mereka melihat terdapat banyak tinggalan sejarah yang tidak terjaga dan tiada langkah-langkah untuk memantau keadaan tinggalan sejarah. Oleh

itu kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan agar kawasan ini dalam keadaan baik dan menjadi salah satu produk pelancongan.

#### 4.7.4 Tanggung jawab pemuliharaan hanya tugas kerajaan




Gambar rajah 4.23: Carta pai maklum balas responden terhadap tanggung jawab pemuliharaan hanya tugas kerajaan

Carta Pai di atas menunjukkan maklum balas responden terhadap tanggung jawab pemuliharaan hanyalah tugas kerajaan. Jumlah tertinggi dicatatkan adalah sebanyak 50% menyatakan tidak pasti diikuti 30% lagi responden tidak setuju manakala 20% responden menyatakan bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Hal ini adalah kerana perlunya peranan pihak kerajaan untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai tanggungjawab pemuliharaan adalah tanggungjawab bersama. Masyarakat perlu sedar akan pentingnya kawasan bersejarah ini kerana ianya adalah harta berharga yang dimiliki bersama. Tugas pemuliharaan yang dibuat oleh kerajaan tidak berguna

sekiranya masyarakat tidak menghargai tinggalan sejarah sebagai salah satu warisan berharga bersama.

#### 4.7.5 Kerja memulihara perlu dijalankan bersama



Gambar rajah 4.24: Carta pai pendapat responden terhadap pentingnya kerjasama masyarakat setempat dan kerajaan dalam proses pemuliharaan

Daripada carta pai di atas, pengkaji mendapati 48% responden memberikan jawapan tidak pasti terhadap pentingnya kerjasama masyarakat setempat dan kerajaan dalam kerja pemuliharaan. Manakala sebahagian lagi bersetuju iaitu sebanyak 22% manakala 12% responden sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala hanya segelintir responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini iaitu sebanyak 18%.

Berdasarkan pendapat pengkaji hasil daripada maklumbalas responden dapat disimpulkan bahawa perlunya pendedahan oleh pihak kerajaan untuk menerangkan kepentingan pemuliharaan dan melakukan kerja pemuliharaan bersama-sama dengan masyarakat. Hal ini dapat menambahkan lagi kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pemuliharaan tapak bersejarah dan menghargai tinggalan sejarah ini.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menyentuh mengenai perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang telah diperolehi daripada hasil kajian yang telah dijalankan. Bahagian ini merupakan bahagian yang terakhir bagi kajian yang telah dijalankan, oleh itu bahagian ini penting bagi melengkapkan hasil dapatan kajian dan mencapai objektif yang telah di rangka pada awal kajian.

## 5.2 Perbincangan

Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor mempunyai tinggalan sejarah dan bukti fizikal yang masih dapat dilihat hingga kini, namun usaha-usaha pemuliharaan perlu di lakukan untuk memastikan kawasan bersejarah ini selamat daripada ancaman kemusnahan akibat kepesatan pembangunan. Aliran sungai Johor pernah menjadi jalan perhubungan terpenting pada masa dahulu, banyak peristiwa sejarah dan cerita-cerita yang mengisahkan kehebatan dan kedaulatan pemerintahan kesultanan Melayu Johor. Menurut catatan Sejarah Melayu pemerintahan kesultanan Melayu Johor merupakan pewaris era kegembilangan kesultanan Melayu Melaka, bermula dari Kota Sayong Pinang hingga ke Kota Johor lama pernah menjadi pusat pemerintahan dan tempat bersemayam pelbagai era pemerintahan Sultan. Selain itu, kawasan bersejarah ini berpotensi menjadi salah satu destinasi pelancongan yang mempunyai tarikan sejarah dan keindahan alam semula jadi. Hal ini penting kerana kawasan bersejarah ini merupakan warisan sejarah, wadah ilmu pengetahuan, dan pelancongan.

### 5.2.1 Warisan sejarah

Sepanjang sungai Johor mempunyai bukti tinggalan sejarah yang sememangnya bernilai. Warisan sejarah ini sememangnya amat berharga dan perlu dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang agar menjadi bukti kepada mereka mengenai kehebatan era pemerintahan kesultanan Melayu Johor. Oleh itu, kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor perlu dijaga dan dibangunkan secara terancang bagi mengelakkan warisan sejarah kita lenyap dan musnah akibat kerakusan pembangunan yang ingin dikecapi. Warisan sejarah ini merupakan bukti tinggalan yang amat berharga kepada

masyarakat dan bukti kehebatan suatu tamadun. Seperti mana kita lihat bagaimana negara-negara maju lain turut menjaga warisan sejarah mereka dengan membelanjakan modal yang besar untuk dikomersialkan kepada masyarakat luar mengenai keunikan ketamadunan mereka. Warisan sejarah kita juga setanding dengan warisan sejarah mereka, jadi apalah salahnya jika warisan sejarah ini dikekalkan dan dipulihara.

### **5.2.2 Pelancongan**

Pelancongan merupakan salah satu industri terpenting di Malaysia. Sektor pelancongan juga dapat mempromosikan Malaysia di mata dunia serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor perlu dibangunkan secara terancang bagi menarik pelancong untuk datang mengenali dan mengetahui tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor. Pembangunan pelancongan secara terancang perlu dijalankan di kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor agar kawasan ini tidak musnah akibat pembangunan yang terlampaui. Infrastruktur yang bersesuaian perlu disediakan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong melawat tapak bersejarah selain itu, sektor pelancongan dapat menjana pendapatan ekonomi masyarakat setempat, dengan menjual pelbagai produk-produk kraftangan dan sebagainya. Justeru itu pembangunan pelancongan secara terancang perlu dilakukan untuk mengkomersialkan kawasan bersejarah ini sebagai salah satu destinasi pelancongan.

### 5.2.3 Wadah ilmu pengetahuan

Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Bukti tinggalan ini membantu dalam memberikan pendidikan secara tidak formal. Lawatan ke tapak bersejarah dapat memberi pendedahan mengenai ilmu pengetahuan tambahan yang tidak diajar di dalam kelas. Pengetahuan sejarah melalui bukti tinggalan sejarah juga dapat diingati dengan mudah oleh pelajar. Hal ini kerana dengan pameran dan persembahan yang baik terhadap kawasan bersejarah, para pengunjung dapat menikmati pembelajaran dengan rasa seronok. Selain itu melalui deria penglihatan dan pendengaran dapat memudahkan proses ingatan kepada pelajar mahupun pengunjung untuk mengetahui sejarah kawasan di sepanjang sungai Johor. Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor juga dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar khususnya dan menarik minat pengkaji-pengkaji untuk membuat kajian terhadap tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor.

## 5.3 Cadangan

Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor berpotensi menjadi salah satu tarikan baru bagi sektor pelancongan, oleh itu pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan dan pandangan yang bersesuaian untuk memajukan kawasan pelancongan di sepanjang sungai Johor. Antara cadangan pengkaji terhadap pihak bertanggungjawab seperti Yayasan Warisan Johor (YWJ), Johor Tourism dan Jabatan Saliran dan Pengairan dapat diringkaskan seperti berikut:

### 5.3.1 Menaik taraf kota lama sebagai stesen pelancongan warisan

Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor yang terdiri daripada lapan buah kota, perlu dinaik taraf menjadi stesen pelancongan. Pembangunan stesen ini boleh dibuat dengan kerjasama dengan pihak Jabatan Saliran Dan Pengairan Negeri Johor dan Pihak Yayasan Warisan Johor. Tujuan pengwujudan stesen ini sebagai stesen perhentian bagi perjalanan menggunakan jalan pengangkutan air menyusuri sungai Johor. Projek ini perlu dibangunkan secara terancang bagi mengelakkan gangguan terhadap ekosistem di sepanjang Sungai Johor. Pembinaan jeti-jeti yang baru daripada bahan binaan batu perlu untuk menggantikan jeti yang sedia ada. Hal ini kerana jeti yang diperbuat daripada kayu sememangnya tidak tahan lama dan mudah rosak akibat proses reputan dan sebagainya. Pembangunan kawasan bersejarah dengan menaikkan papan tanda dan kemudahan lain perlu untuk menarik minat pelancong melawat ke kawasan ini. Projek naik taraf ini penting bagi memudahkan perjalanan menggunakan pengangkutan air di samping memperkenalkan kepada masyarakat berhubung kewujudan lapan buah kota di sepanjang sungai Johor. Selain itu projek naik taraf ini berpotensi untuk menjadi salah satu daya tarikan baru kepada pelancong yang ingin melihat warisan budaya dan keindahan alam semula jadi di kawasan sepanjang sungai Johor.

### 5.3.2 Memperhebatkan Promosi

Promosi merupakan salah satu cara untuk memperkenalkan kepada masyarakat dalam mahupun luaran (pelancong) mengenai keunikan kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor. Kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor kurang dipromosi oleh pihak Johor Tourism, oleh itu pengkaji mencadangkan agar kawasan bersejarah ini dipromosikan secara meluas bagi memperkenalkan kepada umum mengenai keunikan kawasan bersejarah ini. Promosi pelancongan perlu diperhebatkan dengan mempelbagaikan penerbitan berbentuk risalah, iklan dan sebagainya. Pakej-pakej pelancongan terhadap tempat menarik di sepanjang sungai Johor perlu diselitkan sebagai salah satu pakej pelancongan yang menarik. Program promosi yang bersepada terhadap percutian di tapak bersejarah perlu diwujudkan bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia. Selain itu, saluran untuk mempromosi tapak bersejarah di sepanjang sungai Johor perlu dipelbagaikan dengan menggunakan media baru seperti mengiklankan promosi kawasan bersejarah di laman sesawang, selain daripada menggunakan media massa dan media elektronik yang lain.

### 5.3.3 Program pemuliharaan yang berterusan

Pemerhatian yang telah di jalankan mendapati program pemuliharaan tidak dijalankan secara beterusan. Program pemuliharaan dari pihak Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Muzium terhadap kota-kota lama di sepanjang sungai Johor tidak dilakukan secara berterusan dan konsisten. Terdapat

kawasan bersejarah terbiar dan tidak dijaga secara baik malah penjagaan kawasan bersejarah ini hanya meliputi sebahagian kawasan. Program pemuliharaan secara berterusan penting agar kawasan ini tidak rosak dan terbiar. Selain itu, jika kawasan ini dijaga dan dipulihara secara tidak langsung akan membantu pelancong untuk menikmati keindahan persekitaran tapak bersejarah dan selesa dengan keadaan persekitaran sekeliling.

#### **5.3.4 Mempelbagaikan aktiviti pelancongan**

Aktiviti pelancongan di kawasan bersejarah tidak hanya tertumpu kepada aktiviti lawatan sahaja. Aktiviti-aktiviti yang menarik perlu dirancang oleh Jabatan Warisan Johor (Ywj) dan Johor Tourism bertujuan untuk menarik minat masyarakat untuk pergi ke kawasan bersejarah. Cadangan yang bersesuaian untuk menarik minat pengunjung ke kawasan ini adalah menjadikan sungai Johor sebagai kawasan rekreasi air, seperti berkayak, menaiki bot dan sebagainya. Sungai Johor sememangnya berpotensi untuk menjadi salah satu kawasan rekreasi di samping menyelitkan tempat-tempat bersejarah yang boleh dilawati. Aktiviti lain yang boleh menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke kawasan bersejarah antaranya ialah pertandingan memancing untuk kaki pancing, Program Kembara Sejarah Pesisiran Sungai Johor dan lain-lain.

#### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, sememangnya kawasan ini berpotensi menjadi kawasan pelancongan, masyarakat juga sedar dan mengetahui mengenai kewujudan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor. Akan tetapi masyarakat tidak mempunyai kesedaran untuk melawat tapak bersejarah ini. Pelbagai aktiviti menarik perlu dirangka bagi menarik masyarakat untuk melawat tapak bersejarah ini. Selain itu pembangunan secara terancang tapak bersejarah ini penting bagi menarik lebih ramai jumlah pelancong untuk datang melancong ke kawasan ini.

Kawasan bersejarah ini yang bermula dari Kota Sayong Pinang hingga ke Kota Johor Lama merupakan khazanah warisan yang berharga dan amat bernilai. Usaha-usaha perlu dibuat bagi menanam minat masyarakat untuk sayang akan tinggalan warisan kita. Kewujudan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor sememangnya terbukti dengan peninggalan tapak sejarah yang masih boleh dilihat sehingga kini.

Kajian secara menyeluruh terhadap tinggalan sejarah seperti kajian arkeologi perlu dilakukan agar dapat mengetahui tinggalan lain yang wujud di kawasan ini. Selain daripada kajian arkeologi di kawasan tersebut, kajian secara saintifik juga perlu dilakukan. Hal ini penting untuk mengenalpasti bahan-bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan sesebuah kota lama. Selain itu pengumpulan maklumat mengenai batu nesan Acheh (Batu Acheh) penting bagi merekodkan saiz, ukuran dan ukiran-ukiran yang terdapat di batu nesan Acheh. Mendokumentasi khazanah warisan kita dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang untuk mengetahui dan mempelajari sesuatu sejarah.

Penjagaan kawasan bersejarah penting untuk mengelakkan warisan sejarah kita musnah, mendokumentasi sesuatu khazanah berharga tidak mencukupi tanpa penjagaan yang sewajarnya. Oleh itu, perhatian dan pembangunan terancang perlu di berikan agar dapat menjadikan kawasan ini sebagai destinasi pilihan para pelancong.



## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- Abdul Zakaria Ghazali (1994), Johor Dahulu Dan Sekarang. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Halim Nasir (1990), Kota-kota Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Ghafar Ahmad (1997), British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.
- Andaya (1975), The Kingdom Of Johore (1641-1728). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Asyaari Muhamad (1997), Survey Arkeologi Kota Sayong, Kota Tinggi Johor. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- A.Samad Ahmad (1986), Sulatus Salatin (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil (1971), Sejarah Johor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daniel Perret, Kamarudin Abdul Razak (1998), Kompleks Makam Ulu Sungai Che Omar dan Bukit Telepok. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Daniel Perret, Kamarudin Abdul Razak (1999), Batu Acheh Warisan Sejarah Johor. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Guilick J.M (1970), Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Abdul Razak (1998), Peninggalan Sejarah di Persisiran Sungai Johor. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Siti Norlihaiza Harun (2010), Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. Shah Alam, Selangor: University Publication Centre (UPENA).

## **KERTAS KERJA SEMINAR**

Badaruddin Mohamed (2001), Pelancongan Warisan, Kertas Kerja dibentangkan di Forum Kurator, Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia, 7-12 Oktober.

## **TESIS**

Siti Zaharah Mahfood (2001), Kota-kota Pusat Pemerintahan Kerajaan Melayu Johor Dari Tahun 1535 Hingga 1677, Universiti Malaya.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**LAMPIRAN**

**BORANG SOAL SELIDIK TERHADAP PENGETAHUAN MASYARAKAT MENGENAI  
KOTA-KOTA LAMA DI SEPANJANG SUNGAI JOHOR**

Soal selidik ini merupakan sebahagian daripada pelengkap Projek Penyelidikan CFT4134 kursus program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

---

Kerjasama anda amat dihargai

---

**BAHAGIAN A : Maklumat Responden**

Sila tandakan ( / ) pada petak yang berkenaan :

1. Jantina :  Lelaki  Perempuan
2. Umur :  7 Tahun - 9 Tahun  10 Tahun – 12 Tahun  
 13 Tahun – 15 Tahun  16 Tahun- 19 Tahun  
 20 Tahun – 25 Tahun  31 Tahun keatas
3. Bangsa :  Melayu  Cina  India  
 Lain-lain Bangsa
4. Taraf Pendidikan :  UPSR  PMR/SRP  
 SPM/LCE  STPM/DIPLOMA  
 Ijazah  PHD
5. Pekerjaan :  Pelajar  
 Bekerja :  Kerajaan  
 Swasta  Bekerja Sendiri
6. Status :  Bujang  Berkahwin

**BAHAGIAN B**

Soalan di bahagian ini adalah untuk mengetahui pengetahuan umum masyarakat mengenai Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor. Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan.

1. Adakah anda tahu sejarah Kesultanan Melayu Johor?

Ya       Tidak

2. Adakah anda tahu mengenai kewujudan Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor?

Ya       Tidak

3. Pernahkah anda melawati salah satu Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor?

Ya       Tidak

4. Adakah anda menghargai tapak bersejarah Kota-kota lama di sepanjang sungai Johor sebagai salah satu bukti kedaulatan Kesultanan Melayu Johor?

Ya       Tidak

5. Adakah anda menganggap tinggalan sejarah di sepanjang sungai Johor adalah suatu yang berharga dan bernilai?

Ya       Tidak

6. Adakah kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor tidak menarik untuk di lawati?

Ya       Tidak

7. Adakah kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor sesuai dijadikan salah satu daya tarikan pelancong jika di bangunkan?

Ya       Tidak

8. Perlukah mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang menarik untuk menarik kedatangan pelancong?

Ya       Tidak

9. Adakah anda berpuashati dengan promosi tapak bersejarah?

Ya       Tidak

10. Jika anda diberi peluang untuk melawati tapak bersejarah di sepanjang sungai Johor, adakah anda ingin mengikutinya?

Ya       Tidak

### BAHAGIAN C

Bahagian ini ingin mengetahui kepentingan pemuliharaan terhadap tapak bersejarah. Sila bulatkan pada petak skala yang telah disediakan.

NO	Soalan	Skala				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	Pemuliharaan penting untuk memastikan kawasan bersejarah menjadi daya tarikan pelancong.	1	2	3	4	5
2	Tanggung jawab kerja pemuliharaan tapak bersejarah hanya tugas Kerajaan.	1	2	3	4	5
3	Kawasan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor bersesuaian menjadi salah satu produk pelancongan.	1	2	3	4	5
4	Wujudnya Pusat Informasi di Kota Johor lama membantu menjelaskan kepada masyarakat mengenai sejarah serta kewujudan kota-kota lama di sepanjang sungai Johor.	1	2	3	4	5
5	Melawat tapak bersejarah memberi kesedaran kepada anda pentingnya pemuliharaan.	1	2	3	4	5
6	Pemuliharaan tapak bersejarah menjadi produk pelancongan membantu menaikkan taraf ekonomi masyarakat setempat.	1	2	3	4	5
7	Melawat tapak bersejarah meningkatkan semangat patriotisme dalam diri.	1	2	3	4	5
8	Kerja pemuliharaan perlu dijalankan secara berterusan agar terjaga untuk tatapan generasi masa hadapan.	1	2	3	4	5
9	Produk perlancongan tapak-tapak sejarah tidak mempunyai nilai komersial kepada masyarakat.	1	2	3	4	5
10	Masyarakat setempat perlu bersama-sama membantu Kerajaan untuk memulihara kawasan bersejarah di sepanjang sungai Johor.	1	2	3	4	5



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN